

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 28 OKTOBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 5, NO. 9 HINGGA NO. 50)**

[SOALAN NO. 5 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 42]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah pengurangan penerbangan Malaysia Airlines mendatangkan kesan kepada pengguna dan apakah terdapat alternatif serta pemantauan bagi memastikan kos tiket penerbangan tidak membebankan pengguna khususnya penduduk Sabah dan Sarawak yang banyak bergantung kepada pengangkutan udara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Batang Lumar bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Miri bertarikh 28 Oktober 2024 dan Yang Berhormat Kinabatangan bertarikh 5 November 2024 kerana pertanyaan adalah mengenai isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod, buat masa ini, syarikat-syarikat penerbangan negara telah menyediakan perkhidmatan penerbangan domestik bagi laluan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 1.42 juta tempat duduk bagi bulan Oktober 2024. Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah mengurangkan sebanyak 95,906 tempat duduk bermula Ogos sehingga Disember 2024. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat penerbangan AirAsia, AirAsia X dan Batik Air telah menambah kapasiti sebanyak 139,578 tempat duduk bagi menampung kekurangan tersebut.

3. Bagi pengguna yang terjejas akibat daripada pembatalan penerbangan MAB, telah ditawarkan peruntukan semula tiket penerbangan meliputi:

- i. penumpang akan diperuntukkan semula tiket penerbangan pada sehari sebelum atau selepas penerbangan asal, atau penerbangan berikutnya yang tersedia;
- ii. pilihan pertama peruntukan semula yang ditawarkan adalah kepada mana-mana penerbangan MAB yang tersedia. Sekiranya penerbangan MAB tidak tersedia, maka peruntukan tiket baru menggunakan syarikat penerbangan yang lain akan disediakan; dan
- iii. setelah penumpang dimaklumkan tentang pelan peruntukan semula berkenaan, penumpang masih mempunyai pilihan

samada untuk menerima, mengubah suai atau meminta bayaran balik.

4. Pembatalan sementara bagi penerbangan yang terjejas dari bulan Ogos hingga Disember 2024 sudahpun dimaklumkan kepada para penumpang dan segala proses pemakluman itu kebanyakannya telah selesai. Kini, MAB beroperasi seperti biasa dan hanya membatalkan penerbangan apabila berlaku *force majeure* iaitu apabila keperluan untuk membatalkan penerbangan jika ia melibatkan keselamatan berpunca dari cuaca buruk atau nasihat dari penguatkuasa penerbangan tempatan dan antarabangsa di antara laluan udara tertentu.

5. Berdasarkan data Januari hingga Ogos 2024, sejumlah 24% atau 61,014 daripada 258,116 penerbangan yang dioperasikan oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia telah ditangguhkan. 55,024 daripada jumlah 61,014 penerbangan tersebut telah ditangguhkan kurang daripada 2 jam dari waktu perlepasan yang dijadualkan dan baki selebihnya 5,990 penerbangan telah ditangguhkan melebihi 2 jam.

6. Manakala sebanyak 20% atau 90,696 penerbangan daripada 444,234 jumlah penerbangan berjadual telah dibatalkan pada tahun 2023 dan sebanyak 18% atau 57,276 penerbangan daripada 315,388 jumlah penerbangan berjadual telah dibatalkan pada tahun 2024 setakat Ogos. Ini menjadikan bilangan penerbangan yang beroperasi pada 2023 adalah berjumlah 353,838 penerbangan dan bilangan penerbangan yang beroperasi pada tahun 2024 setakat Ogos adalah berjumlah 258,112.

7. Antara punca kelewatan penerbangan adalah disebabkan oleh operasi syarikat penerbangan seperti penggiliran pesawat dan anak kapal serta keadaan luar biasa dan isu teknikal.

8. Manakala punca pembatalan penerbangan adalah disebabkan komersial seperti muatan rendah (*poor loads*), masalah operasi syarikat penerbangan seperti kekurangan anak kapal, ketibaan lewat pesawat, putaran pesawat (*aircraft rotation*), keadaan luar biasa seperti cuaca, kawalan trafik udara dan masalah teknikal seperti *Aircraft on Ground* (AOG)

9. Berhubung kos tiket penerbangan, harga tambang penerbangan ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran. Secara amnya, harga tiket akan meningkat pada musim cuti dan perayaan disebabkan permintaan yang tinggi untuk tempoh perjalanan yang sama. Untuk tempoh puncak ini, permintaan adalah melebihi kapasiti yang boleh disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan.

10. Oleh yang demikian, bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi semasa musim puncak, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.

11. MOT melalui MAVCOM akan meneruskan pemantauan terhadap harga tiket penerbangan bagi semua laluan penerbangan domestik termasuk laluan-laluan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

12. Bagi mendapatkan harga tiket yang murah khususnya semasa musim perayaan, pengguna adalah digalakkan untuk membeli tiket penerbangan seawal mungkin. Kebiasaannya, syarikat penerbangan akan mula menjual tiket seawal sembilan bulan sebelum tarikh penerbangan. Apabila harga tiket disemak satu atau dua minggu sebelum tempoh perjalanan, harga tiket kebiasaannya sudah tinggi. Ini adalah kerana harga tiket di bakul yang murah sudah habis dijual dan harga tiket di bakul yang tinggi sahaja yang tinggal. Secara purata harga tiket sehalo di bakul yang tertinggi adalah sehingga 10% daripada keseluruhan tiket yang dijual semasa musim puncak. Secara purata harga tiket sehalo dibakul yang lebih rendah iaitu RM599 ke bawah adalah sehingga 60% daripada keseluruhan tiket yang dijual semasa musim puncak.

13. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan pada tahun 2023 telah memperkenalkan inisiatif FLYsiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman. Pelaksanaan inisiatif ini telah diteruskan pada tahun 2024 untuk manfaat hampir 60,000 mahasiswa terutamanya di Sabah dan Sarawak.

14. Inisiatif ini dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

15. Seterusnya, Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 telah bersetuju dengan cadangan MOT untuk melaksanakan harga maksimum RM599 bagi tiket penerbangan sehala ekonomi dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tempoh pelaksanaan inisiatif ini adalah pada 3 hari perjalanan sebelum tarikh sambutan perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan, Hari Gawai dan Hari Krismas 2024.

16. Melalui inisiatif ini, harga maksimum tiket penerbangan kelas ekonomi sehala ditetapkan pada harga RM599 tidak termasuk cukai dan fi. Bagi tiket penerbangan kelas ekonomi yang melebihi RM599, Kerajaan akan membayar perbezaan harga antara harga asal tiket penerbangan dan harga maksimum tersebut.

17. Manakala tiket penerbangan yang berharga kurang daripada RM599 bagi laluan-laluan berkenaan akan dijual pada harga asal yang telah ditetapkan oleh syarikat-syarikat penerbangan. Ini tidak melibatkan sebarang subsidi bantuan tiket penerbangan oleh Kerajaan.

18. Dalam hubungan ini, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 3 September 2024 antara lain telah bersetuju supaya FLYsiswa serta inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sempena musim perayaan yang diluluskan di bawah inisiatif Belanjawan 2024 dijadikan inisiatif tahunan Kementerian Pengangkutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan memandangkan umur pengundi sekarang pada 18 tahun, adakah IPT dalam Malaysia mempunyai satu kursus atau program khas untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap sistem demokrasi dan tanggungjawab sebagai seorang warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha meningkatkan pemahaman mahasiswa terhadap sistem demokrasi di Malaysia.
2. Sebagai langkah proaktif untuk melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab dan peka terhadap sistem pemerintahan negara yang berdemokrasi, antara usaha yang telah dilaksanakan oleh KPT adalah:
 - i. Mengeluarkan arahan supaya semua semua Universiti Awam (UA) menubuhkan **Kelab Pendidikan Pengundi** bagi setiap UA. Penubuhan kelab ini merupakan salah satu usaha untuk menyediakan platform bagi mahasiswa melaksanakan program dan aktiviti secara berterusan yang memfokuskan kepada pendedahan mengenai sistem pilihan raya di Malaysia serta memupuk kesedaran mahasiswa tentang kepentingan peranan mereka selaku pengundi bagi membentuk sebuah Kerajaan yang berdemokrasi.
 - ii. KPT melalui Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menyediakan **program pendidikan literasi politik berterusan di Universiti** termasuk Program Mahasiswa Cakna Undi 18, Pengenalan Asas Kesedaran Mengundi Kepada Pelajar Baharu IPT, Penerbitan dan Hebahan Digital Berkaitan Pendidikan Pengundi, Taklimat Pilihan Raya Undi 18 dan Pendedahan Simulasi Sebenar Pilihanraya oleh Akademi Pilihanraya (APR) dan APR *Associate Trainer (AAT)/ Training of Trainers (ToT)*. Dari tahun 2022 hingga 2024, seramai 248,568 orang pelajar telah mengikuti 231 Program Pemerksaan Pendidikan Pengundi Mahasiswa (Undi 18) seluruh negara.
 - iii. Melaksanakan **Konvensyen Pemerksaan Undi 18** pada bulan Mac 2024 bagi memperkukuh peranan serta pengetahuan politik dalam kalangan 300 pelajar IPT dari seluruh negara.

- iv. **Memperluas pelaksanaan program-program Undi 18 dan literasi politik kepada Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** dengan kerjasama Akademi Pilihan Raya yang dibuat secara praktikal.
- v. Selari dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2024 [Akta A1713] yang telah mula di kuatkuasakan pada 1 Oktober 2024, bersamaan dengan bermulanya sidang akademik baharu, pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) (Pilihanraya Kampus) hendaklah diadakan dari tarikh semester pertama sesi akademik bermula. Dalam hal ini, pemilihan MPP dilaksanakan sepenuhnya oleh pelajar yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemilihan MPP (JPMPP) atau *Campus Election Committee* (CEC) yang berfungsi sebagai 'SPR' tanpa penglibatan Pengurusan Universiti dan HEP dalam segala keputusan dan pelaksanaan pemilihan MPP. Ini adalah usaha untuk mendedahkan mahasiswa tentang sistem demokrasi berpolitik dan proses pilihanraya sebenar di negara ini.

3. Untuk makluman, selain usaha-usaha tersebut, **KPT juga menerapkan elemen kenegaraan kepada mahasiswa melalui penawaran kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)**. Tujuan MPU diperkenal adalah demi memperkukuh jati diri, meningkatkan semangat perpaduan dan patriotisme, membentuk sistem nilai, meningkatkan kemahiran insaniah dan meningkatkan penghayatan terhadap elemen nilai ketamadunan kepada pelajar di IPT bagi menghayati dan menghargai sejarah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN
CHEPA] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN
TRANSFORMASI AIR menyatakan status pembangunan infrastruktur
dan sistem PRAB bagi negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang serta
jelaskan bagaimana mekanisme sistem pemodelan banjir berfungsi.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membangunkan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) di seluruh Malaysia. Sistem model ramalan banjir ini menggunakan pendekatan hidrodinamik dan simulasi banjir dihasilkan dengan gabungan pelbagai input termasuklah data hidrologi dari stesen telemetri PRAB dan data ramalan hujan dari MET Malaysia yang menggunakan teknologi satelit dan radar. Simulasi banjir ini berupaya memberi ramalan aras air seawal tujuh (7) hari dan kawasan yang diramalkan terjejas akibat limpahan sungai akan dapat dikenalpasti.
2. Sistem ini dibangunkan melalui tiga (3) fasa dan PRAB di Terengganu, Kelantan dan Pahang dibangunkan dalam fasa pertama dan kedua. Fasa pertama, sistem model banjir telah siap dibangunkan dan mula beroperasi sejak tahun 2017 di lembangan Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang.
3. Fasa kedua pula telah siap dibangunkan dan mula beroperasi pada tahun 2021 melibatkan Lembangan Sungai Golok di Negeri Kelantan, Lembangan Sungai Besut, Lembangan Sungai Kemaman, Lembangan Sungai Dungun, Lembangan Sungai Setiu dan Lembangan Sungai Paka di Negeri Terengganu. Seterusnya di Pahang, tiga (3) lembangan sungai terlibat iaitu Sungai Kuantan, Sungai Rompin dan Sungai Endau, yang juga meliputi Negeri Johor.
4. Manakala Fasa 3 untuk Sabah dan Sarawak melibatkan 33 lembangan sedang dalam proses perolehan. Pengeluaran SST dijangka pada November 2024.
5. JPS akan menyediakan buletin amaran banjir dan membuat hebahan kepada JPS Negeri dan NADMA untuk tujuan kesiapsiagaan agensi penyelamat. Sementara itu, orang awam boleh mendapatkan maklumat amaran banjir di Portal Public Infobanjir atau melalui hebahan di Facebook Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah statistik terperinci berkenaan kerugian yang dialami oleh pemegang akaun bank akibat daripada bank scam dalam tahun 2021, 2022, 2023 dan 2024 masing-masing dan sama ada langkah-langkah baharu seperti penggantian OTP dan 'kill switch' berkesan untuk mengurangkan kerugian itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak NSRC (*National Scam Response Centre*) beroperasi mulai 12 Oktober 2022 hingga Ogos 2024, sebanyak 122,603 panggilan diterima oleh NSRC merangkumi laporan kes-kes penipuan dan khidmat nasihat kepada orang ramai. Berdasarkan aduan-aduan yang diterima itu, didapati jumlah kerugian yang dialami mangsa adalah sebanyak RM371 juta.

BNM telah menetapkan keperluan untuk bank-bank memastikan kawalan dan standard keselamatan aktiviti perbankan atas talian sentiasa diperkukuh selaras dengan amalan industri terbaik. Langkah-langkah ini telah pun menunjukkan impak positif. Pelaksanaan langkah tambahan keselamatan yang dibuat oleh institusi kewangan semenjak September 2022 telah berjaya membantu institusi kewangan menyekat transaksi yang tidak sah dan mencurigakan bernilai RM383 juta bagi tahun 2023. Trend kes penipuan secara *phishing* dan *malware* yang dilaporkan kepada NSRC juga telah menunjukkan trend penurunan.

BNM dan institusi kewangan sentiasa menyokong penuh pendekatan menyeluruh negara (*whole-of-nation*) dalam mengukuhkan keselamatan perkhidmatan kewangan bagi mengatasi ancaman penipuan yang semakin meningkat dan sukar.

Dari segi sistem perbankan, BNM telah melaksanakan pendekatan menyeluruh untuk mencegah kes-kes penipuan kewangan atas talian melalui pendekatan pencegahan, pendidikan serta kesedaran.

Di samping itu, usaha berterusan BNM untuk mengukuhkan lagi keselamatan perkhidmatan perbankan internet dan mudah alih akan berterusan. Ini termasuklah langkah-langkah seperti berikut:

- a. memperketat piawaian pengesanan penipuan (*fraud detection standard*) untuk memperkasa keupayaan institusi kewangan untuk

- mengesan transaksi yang mencurigakan dan menyekat serangan pancingan data dan perisian hasad secara masa nyata (*real-time*);
- b. menambahbaik dasar *Electronic Know Your Customer* (e-KYC) bagi mengukuhkan pengesahan identiti (*identity proofing*) untuk membanteras jenayah akaun keldai;
 - c. menghendaki pengeluar wang elektronik (*e-money issuer*) untuk melaksanakan lima langkah pencegahan penipuan kewangan, setanding dengan langkah pencegahan penipuan kewangan yang dilaksanakan oleh institusi perbankan, iaitu penggunaan kaedah pengesahan yang lebih kukuh, penetapan tempoh bertenang (*cooling off period*) untuk pendaftaran akaun wang elektronik untuk kali pertama, menghad pelanggan kepada satu peranti sahaja bagi pengesahan transaksi, menyediakan talian *hotline* khusus bagi pelanggan melaporkan kes penipuan dalam talian melibatkan akaun wang elektronik mereka serta memastikan pengeluar wang elektronik memperketat peraturan pengesanan penipuan kewangan; dan
 - d. menguatkuasakan mekanisme "*kill switch*" bagi membolehkan pengguna mengambil tindakan segera untuk membekukan akaun mereka sendiri sekiranya terdapat aktiviti yang mencurigakan.

BNM dan industri kewangan telah membangunkan Portal Anti-Penipuan Kebangsaan atau *National Fraud Portal (NFP)* yang akan diguna pakai oleh peserta industri secara berperingkat bagi memperkukuh keupayaan pengesanan dana oleh NSRC. Melalui NFP, proses penjejakan dana telah diautomasi bagi mempercepat tempoh pengesanan dan pembekuan dana yang ditipu. Selain itu, NFP juga akan meningkatkan tahap kecekapan perkongsian data dalam industri melalui penggunaan data dan maklumat yang lebih kaya dan meluas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) apakah garis panduan dan perincian untuk Kerajaan mengklasifikasikan sesuatu isu itu sebagai kesalahan 3R (*Race, Religion & Royal*); dan

(b) senaraikan jumlah kes 3R yang disiasat dan didakwa di seluruh negara dalam tempoh bermula Disember 2022 sehingga September 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi soalan pertama, perincian berkaitan kesalahan-kesalahan yang melibatkan isu 3R yang diguna pakai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui PDRM pada masa ini adalah berpandukan kepada perundangan semasa seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Yang Pertama, Akta Hasutan 1948.

Di bawah Akta Hasutan 1948 (Akta 15), sebarang perbuatan atau kenyataan yang mempunyai kecenderungan menghasut merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 4 dan seksyen 3 (1). Perkara yang dikategorikan sebagai kecenderungan menghasut adalah seperti:

- i) mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;
- ii) membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;
- iii) mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;
- iv) menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;
- v) mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau

- vi) mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau *prerogative* yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

Yang Kedua, Kanun Keseksaan.

Sebarang perbuatan atau perkataan yang boleh mencetuskan ketidakharmonian agama akan disiasat dalam di bawah seksyen 298, Kanun Keseksaan (iaitu kesalahan berkaitan dengan sengaja berniat hendak melukakan perasaan agama seseorang) dan seksyen 298A, Kanun Keseksaan (iaitu kesalahan atas alasan agama yang boleh menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau permusuhan, benci membenci atau niat atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni).

Selain daripada itu, seksyen 505 Kanun Keseksaan juga telah memperuntukkan kesalahan bagi kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam. Secara spesifik, **seksyen 505(c) Kanun Keseksaan** adalah berkaitan kenyataan yang mendatangkan khianat awam dengan niat hendak mengapikan atau mungkin mengapikan **mana-mana golongan atau kaum** melakukan sesuatu kesalahan terhadap mana-mana golongan atau kaum lain.

Yang Ketiga, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula, seksyen 211 iaitu larangan terhadap pemberian kandungan jelik dan seksyen 233 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian boleh diambil terhadap pihak yang menyalahgunakan Internet sekiranya menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik.

Ini bermakna, apa-apa jua perbuatan, kenyataan, hantaran, ucapan, penerbitan dan seumpamanya yang bertentangan dengan undang-undang yang dinyatakan di atas adalah tidak dibenarkan jika ia menyentuh isu-isu 3R dan siasatan boleh dijalankan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada seperti yang telah dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi soalan kedua, berdasarkan rekod PDRM, jumlah kes 3R yang disiasat di seluruh negara bagi tahun 2022 sehingga 30 September 2024 adalah sebanyak 506 kes. Dari jumlah tersebut, sebanyak 42 kes telah dituduh di Mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci berkenaan :

(a) unjuran kos yang telah dan akan diperuntukkan bagi mengurus polisi berkaitan rawatan, perubatan dan pemulihan penagihan dadah dalam komuniti; dan

(b) prospek kerjaya bagi petugas-petugas di bawah pentadbiran yang melibatkan bahagian rawatan, perubatan dan pemulihan penagihan dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Rawatan dan Pemulihan dalam Komuniti (RPDK) yang dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) adalah berdasarkan model i-Pulih yang meliputi keperluan secara biologi, psikologi, sosial dan spiritual klien. Klien yang dikategorikan pada tahap keparahan ringan dan sederhana sahaja yang akan menjalani rawatan dan pemulihan secara Rawatan dan Pemulihan dalam Komuniti (RPDK). Klien RPDK adalah berkonsepkan *out patient* dan mereka menjalani kehidupan seperti biasa seperti bekerja dan duduk bersama keluarga di rumah.

Anggaran belanja mengurus secara purata untuk tiga tahun bermula tahun 2022 hingga tahun 2024 adalah berjumlah RM414 juta melibatkan perbelanjaan operasi AADK meliputi emolument dan gaji pegawai, pengurusan Agensi dan pelaksanaan program pencegahan, penguatkuasaan serta rawatan dan pemulihan. Peruntukan perbelanjaan mengurus untuk Program Rawatan dan Pemulihan dalam Komuniti (RPDK) untuk tahun 2022 ialah sebanyak RM2.5 juta, tahun 2023 sebanyak RM1.43 juta dan tahun 2024 sebanyak RM1.56 juta.

AADK sentiasa cakna akan peluang peningkatan prospek kerjaya bagi seluruh kakitangan termasuk Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pada setiap tahun, AADK membuka peluang kepada semua kakitangan yang mempunyai kelayakan untuk dinilai melalui Peningkatan Secara Lantikan (PSL). Selain itu, profesion Pegawai Pemulihan akan diangkat sebagai profesion yang mempunyai kepakaran dalam bidang pemulihan dadah melalui pewujudan Majlis Profesion Pegawai Pemulihan dalam Pindaan Rang Undang-Undang Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 2024. Sehubungan dengan itu, semua kakitangan AADK mempunyai peluang yang cerah dalam peningkatan prospek kerjaya pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji sistem Diat sebagai solusi alternatif kepada hukuman kemalangan maut dan opsiyen yang lebih mesra kepada keluarga si mati dan sekaligus memberi masa depan kepada pelaku dan keluarganya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengguna pakai sistem Diat bagi menggantikan mana-mana hukuman sedia ada yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

2. Kementerian Pengangkutan (MOT) berpandangan bahawa bentuk hukuman dalam perundangan semasa adalah memadai untuk memberi keadilan, mencegah jenayah, memberi peluang pemulihan kepada pesalah dan menghormati hak asasi manusia.

3. Antara tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap individu yang memandu secara melulu atau membahayakan sehingga menyebabkan kematian adalah seperti di dalam **Seksyen 41, Akta 333** yang mana telah dipinda pada tahun 2020 yang menetapkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada 5 tahun dan tidak lebih daripada 10 tahun dan denda tidak kurang daripada RM20,000.00 dan tidak lebih daripada RM50,000.00. Bagi sabitan kali kedua atau kali kemudian, penjara selama tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dan tidak lebih daripada 15 tahun dan denda tidak kurang daripada RM50,000.00 dan tidak lebih daripada RM100,000.00.

4. MOT dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan kajian secara berterusan terhadap undang-undang yang berkaitan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 bagi memastikan ianya sentiasa relevan dan memastikan aspek keselamatan jalan raya kepada semua pengguna jalan raya secara umumnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah Sekolah Menengah Agama baharu di Kalabakan bagi memenuhi keperluan para pelajar memandangkan sekolah sedia ada yang terletak di daerah Tawau sudah tidak mampu menampung kapasiti permintaan yang semakin meningkat saban tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebuah sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) di daerah Tawau iaitu SM Islamiah Tawau yang telah beroperasi dengan kapasiti penuh dengan jumlah seramai 570 orang murid. Walau bagaimanapun, masih terdapat sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) yang berhampiran Kalabakan iaitu SMKA Tun Sakaran yang terletak di daerah Semporna. SMKA Tun Sakaran menempatkan sejumlah 566 orang murid berbanding kapasiti sebenar yang boleh diisi seramai 720 orang. Peratus pengisian murid di sekolah tersebut sehingga 30 Ogos 2024 adalah berjumlah 78.6%. Pengisian murid di sekolah ini mengambil kira permohonan daripada seluruh negeri Sabah. Berdasarkan rekod pada tahun 2023, sejumlah 89 permohonan murid daripada daerah Tawau untuk ke tingkatan satu SMKA.

Selain itu, kelas aliran agama (KAA) turut dilaksanakan di daerah Tawau melibatkan dua buah sekolah iaitu di SMK Umas-umas dan SMK Merotai Besar yang menawarkan pakej mata pelajaran yang sama di SMKA. KAA sedia ada mempunyai enrolmen seramai 190 orang murid berbanding kapasiti sebenar 240 orang murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks pembinaan sekolah baharu, KPM berpandangan bahawa kapasiti di SMKA Tun Sakaran dan KAA sedia ada masih berupaya untuk menampung keperluan dan pertambahan enrolmen murid di kawasan Kalabakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi mewujudkan rangka kerja dan dasar pintar bagi melindungi kepentingan syarikat penerbangan negara dan pengendali lapangan terbang walaupun dengan kehadiran firma antarabangsa seperti firma Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa menggalakkan pelaburan asing yang boleh membawa teknologi, kepakaran dan lain-lain ke dalam negara khususnya dalam sektor penerbangan. Walau bagaimanapun, bagi tujuan melindungi kepentingan syarikat tempatan dalam sektor penerbangan, maka pihak Kementerian telah menetapkan dasar “kawalan berkesan” (*effective control*).

2. Dasar ini antara lain mewajibkan mana-mana syarikat yang menjadi pemegang lesen syarikat penerbangan dan operator lapangan terbang yang berdaftar di Malaysia mestilah dimiliki oleh rakyat Malaysia, yang mana pemohon mestilah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan dikawal secara langsung oleh syarikat atau warganegara Malaysia.

3. Dalam hubungan ini, dasar “kawalan” yang ditetapkan oleh MOT ditakrifkan sebagai warganegara Malaysia yang mempunyai kepentingan ekuiti melebihi 50%, atau dalam kes syarikat yang tersenarai awam, mestilah memegang sekurang-kurangnya 33% daripada saham ekuiti syarikat.

4. MOT berpandangan bahawa dasar sedia ini berupaya melindungi kepentingan syarikat penerbangan negara pada masa ini. Pada masa yang sama, MOT turut mengalu-alukan segala bentuk kerjasama dengan negara luar dalam konteks pembangunan lapangan terbang dan kesalinghubungan perkhidmatan pengangkutan udara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI**
menyatakan inisiatif Kementerian untuk membantu pekebun kecil kelapa
sawit di Kinabatangan menghadapi cabaran turun naik harga dan
mempromosikan amalan pertanian lestari serta kepelbagaian tanaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Harga minyak sawit mentah (CPO) tidak dipengaruhi oleh Kerajaan kerana ia ditentukan oleh pasaran dunia. Naik turun harga CPO adalah di luar bidang kuasa mana-mana pihak kerana ianya bergantung sepenuhnya kepada kadar pengeluaran dan permintaan dunia yang dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti krisis geopolitik, tahap daya saing dengan minyak sayuran yang lain, keadaan cuaca dan iklim, dasar-dasar kerajaan, agenda keselamatan makanan (*food security*) dan banyak lagi.

2. Antara usaha kerajaan untuk memperkasa pekebun kecil di seluruh negara termasuk di Kinabatangan, adalah dengan membantu pekebun kecil meningkatkan kecekapan operasi dan hasil. Peningkatan hasil dapat dicapai dengan penerapan amalan pertanian baik (*good agricultural practices*), menjalankan penanaman semula mengikut jadual (kadar penanaman semula di Sabah Jan-Sept 2024 adalah pada 1.7%, lebih tinggi dari semenanjung 1.6% & Sarawak 1.4%) memastikan mereka mendapat bekalan benih dan baja yang berkualiti, tenaga buruh yang mencukupi dan mekanisasi operasi ladang.

3. Selain itu, skim pensijilan MSPO penting bagi pekebun kecil bagi memastikan CPO yang dikeluarkan oleh kumpulan ini dapat terus dieksport. Kerajaan menanggung sepenuhnya kos pensijilan MSPO bagi pekebun kecil persendirian dan memberikan subsidi bagi pekebun kecil tersusun. Dengan langkah ini, produk sawit Malaysia akan dikenali sebagai produk yang bermutu tinggi dan mesra alam, dan seterusnya dapat dijual dengan kadar premium yang lebih tinggi.

4. Kementerian yakin jika kita dapat memastikan operasi sepanjang rantai bekalan berada pada tahap yang efisien pada kos yang berdaya saing, kesemua pemegang taruh termasuk pekebun kecil akan mendapat manfaat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana keberkesanan kaedah pemotongan gaji automatik melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berasaskan *Income Contingent Loan* (ICL) dalam meningkatkan kutipan balik hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), memandangkan kutipan hutang yang belum dijelaskan berjumlah RM6 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini **sistem bayaran balik pinjaman PTPTN menggunakan kaedah pinjaman biasa atau *mortgage loan***, di mana jadual bayaran balik pinjaman ditentukan berdasarkan jumlah pinjaman serta tempoh bayaran balik yang ditetapkan.

2. Sistem bayaran balik pinjaman pendidikan berbentuk *Income Contingent Loan (ICL)* atau bayaran balik berdasarkan pendapatan peminjam adalah melalui jadual bayaran balik pinjaman yang ditentukan berdasarkan pendapatan peminjam setelah tamat pengajian. Dalam konteks ini, pembayaran balik pinjaman hanya bermula apabila pendapatan peminjam melebihi tahap tertentu.

3. Kaedah ICL ini turut dilaksanakan di Australia dan New Zealand yang telah menunjukkan keberkesanannya dalam memastikan pelajar membayar semula pinjaman mereka secara adil dan berdasarkan kemampuan kewangan masing-masing.

4. Berdasarkan dapatan carian ilmiah, kadar bayaran balik pinjaman Australia adalah agak tinggi, dengan kebanyakan peminjam mula membayar balik dalam masa 3 hingga 5 tahun selepas tamat pengajian. Namun, terdapat anggaran bahawa sekitar 20% daripada jumlah pinjaman tidak dapat dikutip sepenuhnya disebabkan graduan yang berpendapatan rendah (tidak mencapai pendapatan minimum yang ditetapkan), tidak bekerja atau bekerja di luar negara.

5. Pelaksanaan ICL ini memerlukan kajian serta perincian lanjut dengan pihak-pihak berkepentingan terutamanya dari segi kesesuaian pelaksanaan yang akan melibatkan pindaan akta, perkongsian maklumat antara kementerian, agensi serta majikan, kesediaan prasarana ICT, serta penetapan tahap pendapatan yang sesuai bagi memastikan model pembiayaan baharu PTPTN yang lebih efisien dan mampan untuk jangka masa panjang, dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

(a) bilangan pengusiran yang dilakukan antara 1 Januari 2024 hingga 14 Oktober 2024, mengikut pecahan umur, jantina, kewarganegaraan dan status UNHCR; dan

(b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pengusiran ini tidak melanggar prinsip *non-refoulement*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh 1 Januari 2024 sehingga 30 September 2024, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah merekodkan pemindahan pulang tahanan seramai 33,807 orang tahanan di semua depot imigresen seluruh negara yang terdiri daripada 24,542 orang lelaki, 8,087 orang wanita, 681 orang kanak-kanak lelaki dan 497 orang kanak-kanak perempuan. Warganegara Indonesia merupakan tahanan paling ramai iaitu seramai 14,583 orang (43.1%).

Tahanan yang mempunyai kad UNHCR yang sah akan dirujuk terlebih dahulu kepada pihak UNHCR bagi tujuan pengesahan dan seterusnya dibebaskan kepada pihak UNHCR. Pengesahan daripada pihak UNHCR dibuat sebagai langkah memastikan penghantaran pulang tahanan tidak melanggar prinsip *non-refoulement*.

JIM sentiasa berusaha melaksanakan penghantaran pulang tahanan dengan segera melalui jalinan kerjasama dengan Perwakilan Asing berkaitan untuk urusan pengeluaran dokumen perjalanan kepada tahanan sebelum dihantar pulang. Pemindahan pulang tahanan di depot imigresen dilaksanakan berdasarkan Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Mengenai Pentadbiran dan Pengurusan Depot Imigresen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :

- (a) apakah perincian pindaan kepada *Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016* (MACPC) berkenaan caj levi karbon syarikat penerbangan; dan
- (b) perkembangan terkini kepada kutipan caj levi karbon syarikat penerbangan yang telah diperkenalkan seawal April tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah menambahbaik Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code - MACPC*) dengan memberikan perlindungan yang lebih baik terhadap hak pengguna dalam industri penerbangan termasuk pengenaan caj levi karbon. Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2024 telah diwartakan pada 30 Ogos 2024 dan berkuatkuasa 1 September 2024.

2. Pindaan kepada MACPC berkaitan peruntukan untuk fi karbon adalah seperti berikut:

- i. Syarikat penerbangan dikehendaki untuk menerbitkan harga terangkum apabila mengiklankan sesuatu tambang penerbangan termasuk apa-apa fi dan caj yang dikenakan ke atas pengguna seperti fi karbon;
- ii. Di samping itu juga, peruntukan ini juga menetapkan kewajiban bagi syarikat penerbangan untuk menzahirkan harga muktamad tambang penerbangan yang perlu dibayar sebelum pembelian tiket oleh pengguna termasuk apa-apa fi dan caj yang dikenakan ke atas pengguna seperti fi karbon;
- iii. Selain itu, penambakan MACPC ini juga menetapkan kewajiban bagi syarikat penerbangan untuk membayar balik surcaj bahan api, cukai, fi, dan caj yang dikenakan oleh kerajaan atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis termasuk apa-apa fi dan caj yang dikenakan ke atas pengguna seperti fi karbon; dan
- iv. Bagi tujuan memastikan akauntabiliti dan ketelusan syarikat penerbangan dalam pelaksanaan caj fi karbon, MAVCOM akan menetapkan keperluan bagi syarikat penerbangan untuk mengemukakan laporan berkaitan kutipan fi karbon dan

penggunaan fi tersebut. Keperluan ini merupakan sebahagian daripada pindaan MACPC.

3. Pada ketika ini, caj fi karbon dilaksanakan secara sukarela ke atas pengguna oleh Malaysia Airlines (MAB) melalui *MAG Passenger Voluntary Offset Programme* kepada penumpang bermula 15 Jun 2023, berpandukan kepada dokumen IATA *Recommended Practice* (RP) 1726.

4. Manakala, AirAsia akan mengenakan caj fi karbon secara mandatori kepada semua penumpangnya bermula pada 1 Januari 2025. Bagi syarikat penerbangan lain, MAVCOM masih belum menerima sebarang pengesahan berhubung rancangan mereka untuk pelaksanaan caj fi karbon secara mandatori kepada penumpang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan risiko monopoli ditransformasi menjadi oligopoli bagi industri pemeriksaan berkala kenderaan bermotor menurut Akta 333: Akta Pengangkutan Jalan 1987 dengan tamatnya konsesi eksklusif PUSPAKOM sebagai badan tunggal pada 31 Ogos 2024 memandangkan kriteria kelayakan ketat untuk syarikat berminat lain memohon lesen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkhidmatan bagi menjalankan pemeriksaan kenderaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] telah dibuka kepada pemain industri yang berkelayakan lanjutan daripada tamatnya perjanjian konsesi pada 31 Ogos 2024 yang memberikan hak eksklusif kepada syarikat PUSPAKOM. Selepas tamatnya perjanjian konsesi tersebut, syarikat PUSPAKOM telah menjadi syarikat pertama yang dilesenkan di bawah Seksyen 126(1), Akta 333 untuk terus memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan ini.

2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) amat komited untuk menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat yang berminat dan berkelayakan untuk memohon Lesen Pengoperasian terutamanya syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang pemeriksaan kenderaan. Permohonan ini telahpun dibuka bermula pada 1 Jun 2024 sehingga 31 Oktober 2024 bagi lokasi-lokasi yang telah ditetapkan yang juga maklumat tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang MOT dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

3. Pelantikan pihak yang berjaya memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan dijangka dapat dilaksanakan bermula suku pertama tahun 2025 selepas proses penilaian selesai dilaksanakan.

4. Kriteria-kriteria kelayakan yang ditetapkan bertujuan memastikan syarikat-syarikat yang beroperasi dalam industri ini kelak mampu memenuhi standard perkhidmatan yang tinggi, sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan memiliki kemampuan teknikal dan kemahiran yang mencukupi bagi menjalankan pemeriksaan yang berkualiti.

5. Kriteria ini juga adalah selaras dengan ketetapan Akta 333 yang bertujuan untuk memastikan tahap *road-worthiness* dan keselamatan kenderaan motor tersebut apabila digunakan di atas jalan. Pemeriksaan berkala kenderaan motor ini adalah merupakan salah satu usaha Kerajaan memastikan tahap keselamatan pengguna jalan raya secara

keseluruhannya serta mengelakkan berlakunya kerosakan kepada infrastruktur jalan yang akan membawa implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan.

6. Melalui semua peruntukan undang-undang sedia ada serta kriteria kelayakan yang telah ditetapkan, Kementerian percaya persaingan yang sihat akan terhasil dan akan dapat memastikan industri ini kekal kompetitif tanpa mewujudkan penumpuan kuasa atau oligopoli. Mana-mana pihak yang berjaya memenuhi semua syarat ditetapkan akan dipelawa dan dibenarkan beroperasi sebagai pusat pemeriksaan berkala kenderaan motor bagi pihak JPJ di masa hadapan sebagaimana syarat-syarat yang dikenakan kepada pihak PUSPAKOM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasrat Kementerian bagi membantu ekonomi Sandakan dengan status kerja pengerukan di laluan masuk had pelabuhan Sandakan, di mana kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) telah dilakukan pada tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mendapatkan pengesahan daripada pihak Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) bahawa lokasi yang memerlukan pengerukan adalah laluan masuk (*approach channel*) yang terletak di luar had Pelabuhan Sandakan, dan setakat ini kerja pengerukan belum lagi dilaksanakan.

2. Untuk makluman, punca perundangan untuk mentadbir urus sektor pelabuhan di Sabah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah. Namun demikian MOT amat prihatin dengan aspek keselamatan pelayaran dan sedia maklum tentang impak ekonomi pelaksanaan kerja pengerukan di laluan masuk tersebut terhadap pembangunan Sandakan, khususnya industri-industri yang berkaitan seperti kelapa sawit – sepertimana yang dinyatakan dalam “Kajian Cadangan Kerja-Kerja Pengerukan di Laluan Masuk ke Had Pelabuhan Sandakan” yang telah dilaksanakan oleh pihak JPDS.

3. Dalam hal ini, MOT melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) akan menyusuli dengan pihak JPDS tentang keperluan-keperluan teknikal dan perancangan pelaksanaan kerja-kerja pengerukan di laluan masuk tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa ibu warga Malaysia yang mempunyai Taraf Pemastautin Tetap (PR) di luar negara ditolak permohonan kewarganegaraan untuk anak-anak mereka yang lahir di luar negara di bawah Perkara 15(2), walaupun mereka enggan mengambil kewarganegaraan asing dan berhasrat untuk pulang ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan perlu memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964, serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu seperti pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak, dan peraturan imigresen.

Walaupun ibu tersebut adalah warganegara Malaysia dan mempunyai status Pemastautin Tetap (PR) di negara lain, beberapa faktor penting lain diambil kira oleh Kerajaan dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan untuk anak-anak yang lahir di luar negara. Setiap permohonan kewarganegaraan melibatkan semakan secara komprehensif dari semua aspek terutamanya aspek melibatkan kepentingan umum. Walaupun ibu mungkin tidak berhasrat untuk mengambil kewarganegaraan asing, namun status Pemastautin Tetap di negara lain adalah faktor yang perlu dinilai secara teliti dengan mengambil kira niat untuk bermastautin lama di satu-satu Negara dan aspek kesetiaan kepada Malaysia, yang menjadi faktor penting dalam penilaian permohonan kewarganegaraan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengambil inisiatif untuk mempermudah kriteria penilaian permohonan kewarganegaraan di bawah kategori ini dan sekiranya terdapat pembuktian bahawa mereka telah kembali menetap di Malaysia, permohonan berkenaan boleh dipertimbangkan untuk kelulusan tertakluk kepada perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa. KDN juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat kerana menyokong pindaan kepada RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 melibatkan perkara kewarganegaraan yang merangkumi pindaan ke atas perkara 15(2) ini yang menjadikan wanita warganegara yang berkahwin dengan warganegara asing di luar negara dan melahirkan anak akan mendapat kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil penemuan melalui audit khas terhadap insiden seperti pendaratan cemas dan masalah teknikal membabitkan pesawat Malaysia Airlines (MAS) yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan apakah siri penambahbaikan yang dipertimbangkan susulan audit khas berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) prihatin dan memandang serius aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dalam memastikan pertumbuhan industri penerbangan selari dengan pematuhan terhadap piawaian-piawaian keselamatan yang telah ditetapkan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya insiden pesawat yang perlu berpatah balik dikategorikan kepada dua (2) keadaan iaitu *Return to Chock* (RTC) dan *Air Turn Back* (ATB) dengan izin. RTC adalah keadaan dimana pesawat diarah untuk berpatah balik ke posisi parkir. Biasanya keadaan ini berlaku setelah pesawat mengalami sebarang masalah atau isu dan perlu berpatah balik sebelum berlepas.
3. Manakala ATB merujuk kepada keadaan dimana pesawat berpatah balik ke lapangan terbang asal selepas pesawat berlepas. Insiden ini biasanya akibat daripada isu kecemasan atau situasi tidak normal yang berlaku ke atas pesawat seperti masalah kegagalan enjin, isu teknikal dan kecemasan seperti isu kesihatan atau perubatan.
4. Bagi tahun 2023, sebanyak 248 insiden yang melibatkan RTC dan 13 insiden ATB direkodkan. Bagi tahun 2024 setakat Oktober, sebanyak 181 insiden RTC dan 18 insiden ATB direkodkan.
5. Salah satu strategi bagi memulihkan keyakinan penumpang terhadap syarikat Malaysia Airlines (MAB) adalah berdasarkan kepada hasil laporan *On-Time Performance* ("OTP") Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Pada April tahun ini, MOT dan MAVCOM telah menetapkan sasaran OTP 85% dan penerbangan 80% mematuhi jadual pada setiap masa bagi syarikat penerbangan Malaysia yang beroperasi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 dan 2 dan dalam peringkat merangkumkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa serta lapangan terbang domestik yang lain selain KLIA. Keputusan prestasi syarikat penerbangan itu diterbitkan di laman web MAVCOM. MAVCOM bercadang untuk memperluaskan penerbitan

prestasi syarikat penerbangan bagi merangkumi pelepasan penerbangan dari lapangan terbang lain di Malaysia.

6. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) selaku Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan teknikal penerbangan awam negara telah meningkatkan pemantauan dan menjalankan siasatan terhadap sebarang insiden yang melibatkan pesawat-pesawat kendalian syarikat-syarikat penerbangan Malaysia.

7. Dalam hubungan ini, CAAM telah menjalankan siasatan mengejut ke atas syarikat penerbangan MAB termasuk syarikat MAB Engineering Services (MABES) dengan izin yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan pesawat-pesawat MAB pada 24 hingga 28 Jun 2024.

8. Berdasarkan dapatan siasatan tersebut, antara isu signifikan yang menyumbang kepada beberapa insiden teknikal pesawat MAB adalah kemungkinan disebabkan masalah komponen mekanikal dan kekurangan tenaga pekerja mahir yang diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pesawat dan meningkatkan tahap keberkesanan sistem pengurusan kualiti serta sistem pengurusan perihal selamat oleh syarikat penerbangan MAB dan MABES.

9. Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti tindakan penambahbaikan terhadap hasil siasatan mengejut CAAM, MAB telah menyediakan plan mitigasi antaranya adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan pesawat ke tahap waspada bagi membolehkan fokus diberikan terhadap kebolehpercayaan pesawat.

10. Pada masa yang sama, MAB juga telah melaksanakan proses perolehan pesawat baharu sebagai salah satu strategi meningkatkan keyakinan penumpang terhadap syarikat penerbangan tersebut selain memastikan ketersediaan pesawat yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penerbangan yang telah dijadualkan.

11. Bagi memperkukuhkan aspek-aspek penyelenggaraan pesawat, MAB telah mengambil beberapa langkah komprehensif seperti berikut:

- i) Membatalkan beberapa rangkaian penerbangan dalam dan luar negara secara sementara. Langkah pembatalan rangkaian penerbangan ini adalah perlu bagi memastikan ketahanan jangka panjang pesawat dan keteguhan operasinya. Melalui pembatalan rangkaian penerbangan secara sementara ini akan membolehkan penyelenggaraan yang lebih proaktif dilakukan terhadap pesawat, mengurangkan risiko kerosakan pesawat dan memberikan pengalaman penerbangan yang terbaik kepada pelanggan. Keputusan ini juga adalah untuk memastikan standard keselamatan MAB bukan hanya dikekalkan tetapi diperkukuhkan;
- ii) MAB juga telah menjalankan siasatan menyeluruh terhadap isu teknikal semasa dengan mengenal pasti dan membetulkan punca, serta menambah baik protokol dan prosedur penyelenggaraan bagi memastikan piawaian keselamatan yang ditetapkan dapat dicapai;
- iii) Semua langkah penyelesaian masalah (*troubleshooting*) yang diperlukan untuk mengasingkan kerosakan sedang dilakukan menggunakan manual penyelenggaraan pesawat terkini yang telah diluluskan. Dalam hal ini, MAB telah menggunakan teknologi moden dalam penyelenggaraan pencegahan dan ramalan untuk menjangka dan menangani isu sebelum ianya menjadi kritikal;
- iv) MAB juga sedang bekerjasama rapat dengan pengeluar pesawat dan enjin serta rangkaian pembekal yang berkaitan untuk menangani isu rangkaian bekalan dan teknikal;
- v) Di samping itu, MAB juga sedang memberikan tumpuan kepada peningkatan latihan dan pengambilan pekerja bagi menangani isu peningkatan permintaan dan kompleksiti pesawat moden; dan

- vi) Secara kolektifnya, langkah-langkah ini dilakukan bertujuan untuk memulihkan keyakinan penumpang dan bagi memastikan penerbangan yang lebih selamat serta lebih dipercayai oleh penumpang.

12. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan audit terkini CAAM ke atas syarikat MAB, tempoh pembaharuan Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) akan dikurangkan daripada tiga tahun kepada satu tahun sahaja bermula 1 September 2024 hingga 31 Ogos 2025. Oleh yang demikian, syarikat penerbangan perlu melalui proses pengauditan yang lebih kerap sebelum AOC diperbaharui. Hal ini akan memastikan MAB lebih peka dan mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sewajarnya sebagai mana pelan mitigasi yang telah dikemukakan oleh CAAM.

13. CAAM akan meneruskan pemantauan dan menjalankan pengauditan keselamatan terhadap semua pesawat yang dimiliki oleh syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi dalam negara dalam memastikan aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dipatuhi sewajarnya. Kementerian ini menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara yang melibatkan keselamatan penumpang penerbangan.

14. Kerajaan melalui YAB Perdana Menteri telah menyatakan komitmen untuk memastikan kejayaan syarikat MAB kerana ia merupakan syarikat penerbangan nasional dan harus kembali sebagai syarikat penerbangan utama negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kajian yang telah dilakukan untuk memastikan bahawa kursus pengajian di institusi pendidikan tinggi tidak bertindih dan relevan dengan keperluan industri, serta bagaimana kajian ini mempengaruhi penawaran program di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), setiap program akademik baharu dan semakan kurikulum program sedia ada perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT).
2. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menilai program-program akademik yang ingin ditawarkan. Ia melibatkan panel-panel luar seperti wakil *TalentCorp*, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Ekonomi (KE), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), *Malaysian Digital Economic Corporation* (MDEC) dan juga Badan-badan Profesional.
3. Panel-panel ini akan memberikan pandangan dan komen berhubung kesesuaian penawaran program akademik bagi memastikan kelestarian program dalam jangka masa panjang. Selain itu, KPT melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) juga akan meneliti bidang tujahan Universiti Awam (UA) termasuk aspek pertindihan program yang seumpamanya di UA yang lain dalam mempertimbang kelulusan sesuatu program baharu.
4. Justeru itu, tindakan penyelarasan ini dapat membantu pihak Kementerian dalam menangani isu pertindihan program pengajian. Walau bagaimanapun, pertindihan program dibenarkan dalam keadaan tertentu bagi memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai pelajar mengikuti bidang pengajian yang mempunyai permintaan tinggi daripada pelajar dan industri.
5. Ini termasuklah penawaran program-program akademik di Sarawak di mana keperluan modal insan di negeri berkenaan diambil kira bagi tujuan penawaran program.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membangunkan sebuah stesen jana kuasa berkapasiti 300 MW di Sandakan, dengan meneruskan cadangan pembinaan "*pipeline*" untuk menghantar gas LNG dari kawasan pantai barat Sabah ke kawasan pantai timur Sabah dalam usaha untuk memperkasakan sistem penjanaan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penyerahan kuasa kawal selia pembekalan elektrik Negeri Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah, Fasa 1 telah dimuktamadkan dan berkuatkuasa pada 3 Januari 2024. Manakala bagi penyerahan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), ia akan dilaksanakan melalui Fasa 2 yang dijangka akan selesai pada tahun 2030.
2. Sehubungan itu, segala perancangan untuk Pelan Pembangunan Penjanaan Elektrik, perolehan, pemantauan dan penyeliaan projek serta penyelesaian isu-isu dan masalah berkaitan pembekalan elektrik Sabah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah sepenuhnya.
3. Justeru itu, Yang Berhormat boleh memanjangkan perkara tersebut melalui Ahli Dewan Undangan Negeri untuk dibangkitkan di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan segera dan memberi manfaat kepada rakyat di Sabah. Selain itu, Yang Berhormat juga boleh merujuk perkara ini kepada Energy Commission of Sabah (ECoS) selaku badan kawal selia pembekalan elektrik di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) berapa jumlah yang telah dilabur ke Fashion Valet oleh Khazanah, PNB dan jika ada Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) lain ; dan
- (b) jumlah kerugian akibat penurunan nilai dan penjualan saham Fashion Valet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 2018, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah melabur sejumlah **RM47 juta (Khazanah : RM27 juta, PNB : RM20 juta)** untuk pegangan minoriti masing-masing dalam Fashion Valet Sdn. Bhd. (Fashion Valet).

Pelaburan ini merupakan sebahagian daripada **mandat Khazanah pada waktu itu untuk memupuk usahawan teknologi tempatan dan mendapatkan pendedahan kepada tesis pelaburan dalam sektor e-dagang yang kian berkembang**. Pada masa yang sama, tesis pelaburan PNB adalah untuk **menyokong syarikat runcit digital Bumiputera yang sedang berkembang pesat untuk menjadi platform runcit serantau bagi jenama-jenama Malaysia**. Pelaburan Khazanah dan PNB disalurkan ke dalam syarikat Fashion Valet untuk menyokong rancangan pertumbuhan perniagaan.

- (b) Namun, berikutan pandemik COVID-19 dan pasaran pengumpulan dana yang mencabar, perniagaan syarikat Fashion Valet telah terjejas teruk dan lanjutan daripada itu, Fashion Valet memerlukan modal baharu yang besar untuk meneruskan operasi. Pada akhir tahun 2023, sebuah syarikat Bumiputera iaitu NXBT Partners telah menawarkan untuk mengambil alih pegangan saham sedia ada Khazanah dan PNB di dalam Fashion Valet dan menyuntik modal yang diperlukan ke dalam syarikat tersebut. Sehubungan itu, kesemua pemegang saham telah bersetuju menerima tawaran tersebut.

Penjualan ini merupakan langkah keluar yang bertanggungjawab oleh Khazanah dan PNB daripada Fashion Valet kepada pelabur strategik yang akan dapat terus membantu Fashion Valet untuk menyelesaikan keperluan pembiayaannya secara holistik dan mengembangkan semula perniagaan dalam keadaan industri

NO SOALAN : 27

yang mencabar. Khazanah dan PNB telah menerima **RM3.1 juta** hasil daripada penjualan saham tersebut. Jumlah kerugian daripada penjualan saham Fashion Valet adalah amat kecil berbanding keseluruhan pendapatan yang dijana oleh Khazanah dan PNB pada tahun berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini peruntukan RM300 juta dana yang diumumkan YAB Perdana Menteri pada tahun 2023 untuk menyelesaikan masalah bekalan air di Sabah, dan apakah projek-projek yang telah, sedang atau dalam perancangan untuk dilaksanakan di Sabah khususnya di daerah Tuaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri pada 27 September 2023 telah meluluskan sebanyak RM300 juta secara pinjaman untuk menyelesaikan isu bekalan air di negeri Sabah. Perincian projek adalah seperti berikut:

- i. Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil (Penggantian/ Naik Taraf Paip, Pam Penggalak dan Tangki Simpanan Air di Daerah Kota Kinabalu) - Jangkaan Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan pada Januari 2025;
- ii. Projek Penggantian Pam Penggalak/ Pembinaan Rumah Pam Penggalak/ Penggantian Pam Air Mentah dan Terawat Bagi Muka Sauk dan Loji Rawatan Air Di Daerah Papar, Keningau dan Lahad Datu - Jangkaan SST dikeluarkan pada Januari 2025;
- iii. Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Kasigui Bagi Bekalan Air Daerah Putatan dan Menaik Taraf Muka Sauk di Loji Rawatan Air Beaufort 2 Termasuk Kerja Kerja Berkaitan - Jangkaan SST dikeluarkan pada Oktober 2024; dan
- iv. Penggantian Alat Janakuasa di Loji Rawatan Air Merotai, Tawau dan Beaufort 1 - Jangkaan SST dikeluarkan pada Januari 2025.

2. Terdapat satu (1) projek sedang dalam pembinaan di daerah Tuaran iaitu projek Penambahan Kapasiti Loji Rawatan Air Telibong II dari 80JLH ke 160JLH Termasuk Saluran Paip Utama dan Tangki Simpanan dengan peruntukan berjumlah RM429.2 juta. Kemajuan fizikal terkini di tapak projek ialah 99.68%. Projek ini dijangka siap pada November 2024. Walau bagaimanapun, terdapat permohonan Notis Perubahan (NOC) untuk kelulusan peluasan skop, objektif, *output* dan *outcome* projek dengan pelarasan kos. Permohonan NOC telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi pada 17 September 2024.

3. Terdapat satu (1) projek sedang dalam pembinaan di daerah Tuaran iaitu projek Penambahan Kapasiti Loji Rawatan Air Telibong II dari 80JLH ke 160JLH Termasuk Saluran Paip Utama dan Tangki Simpanan dengan peruntukan berjumlah RM429.2 juta. Kemajuan fizikal terkini di tapak projek

ialah 99.68%. Projek ini dijangka siap pada November 2024. Walau bagaimanapun, terdapat permohonan Notis Perubahan (NOC) untuk kelulusan peluasan skop, objektif, *output* dan *outcome* projek dengan pelarasan kos. Permohonan NOC telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi pada 17 September 2024.

4. Di Sandakan pula, terdapat satu (1) projek sambungan iaitu Projek Menaik Taraf Sistem Saluran Agihan Utama Termasuk Pembinaan Tiga (3) Buah Tangki Simpanan Utama, Sandakan dengan peruntukan berjumlah RM144.8 juta. Kemajuan fizikal terkini ialah 39% dan projek dijangka siap pada suku ke-3 tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratus kategori peperiksaan (seperti STPM, matrikulasi, A-Level, Ausmat, Gaokao dan lain-lain) yang diterima oleh universiti awam dalam saluran *direct intake* dari tahun 2018-2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, berdasarkan sumber Universiti Awam (UA), bilangan pelajar yang diterima melalui saluran *direct intake* berdasarkan kategori peperiksaan STPM, Matrikulasi, A-Level, Ausmat, Gaokao dan lain-lain dari tahun 2018 sehingga tahun 2024 adalah seperti berikut:

- i. **STPM:** seramai 11,330 pelajar atau 7.59 peratus.
- ii. **Martikulasi:** seramai 6,213 pelajar atau 4.16 peratus.
- iii. **A-Level:** seramai 924 pelajar atau 0.62 peratus.
- iv. **Ausmat:** seramai 42 pelajar atau 0.03 peratus.
- v. Tiada pelajar bagi kategori peperiksaan **Gaokao**.
- vi. **Lain-lain (Asasi/ Diploma/ Setaraf):** seramai 130,839 pelajar atau 87.61 peratus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH [PAYA BESAR]**
TARIKH : **28 OKTOBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) bagaimana Kerajaan mengimbangi implikasi fiskal susulan ketidaktentuan harga minyak mentah global akibat kelembapan ekonomi terutama di China; dan
- (b) apakah perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sistem cukai yang lebih cekap di samping merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah negara ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada ketidaktentuan persekitaran luaran termasuk ketidakstabilan harga minyak mentah global yang memberi kesan ke atas kedudukan kewangan terutamanya hasil Kerajaan. Secara purata, perubahan harga minyak mentah sebanyak USD1 setong dianggarkan memberi impak sebanyak RM300 juta setahun ke atas hasil Kerajaan Persekutuan. Bagi mengurangkan impak tersebut dan menampung perbelanjaan subsidi yang masih tinggi, Kerajaan perlu memperluas asas hasil serta mengurangkan kebergantungan hasil berkaitan petroleum.

Pada 2024, jumlah hasil disemak semula kepada RM322.1 bilion seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2025. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 19.6% merupakan hasil berkaitan petroleum, manakala selebihnya merupakan hasil bukan petroleum. Jumlah tersebut dijangka terus berkurang kepada 18.3% atau RM62 bilion pada 2025. Peratusan ini telah berkurang dengan ketara berbanding 41.3% pada 2009 mencerminkan usaha Kerajaan dalam mempelbagaikan sumber hasil dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum.

Operasi fiskal kekal proaktif dan pantas bertindak balas terhadap persekitaran ekonomi dan keutamaan dasar yang dinamik. Dasar dan pengurusan hasil akan ditambah baik secara berperingkat tanpa menjejaskan momentum pertumbuhan selari dengan kerangka Ekonomi MADANI. Selain itu, usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan akan disokong oleh langkah perbelanjaan berhemat serta mengoptimumkan sumber sedia ada selari dengan keperluan semasa. Justeru, defisit fiskal dijangka kekal pada 4.3% daripada KDNK seperti unjuran asal dan terus berkurang kepada 3.8% pada 2025.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam mempertimbangkan pelaksanaan sebarang dasar percukaian, Kerajaan perlu mendalami pelbagai aspek seperti struktur keseluruhan sistem percukaian negara dan kedudukan ekonomi semasa, batasan dan cabaran yang ada dalam pelbagai aspek, ruang penambahbaikan yang boleh dilakukan, keperluan hasil Kerajaan, taraf hidup rakyat secara keseluruhan dan yang paling mustahak adalah kesediaan rakyat. Penelitian ke atas dasar percukaian lazimnya dibuat semasa Belanjawan Tahunan yang mengunjurkan hasil untuk jangka pendek iaitu satu tahun ke hadapan iaitu bagi tahun belanjawan tersebut sahaja. Antara langkah cukai yang akan dilaksanakan seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025 termasuk:

- i. penambahbaikan cukai jualan bagi transaksi perkhidmatan komersial antara perniagaan;
- ii. peluasan skop cukai perkhidmatan iaitu peningkatan kadar cukai jualan bagi barangan premium yang diimport;
- iii. pengenaan cukai ke atas dividen yang diterima oleh pemegang saham individu;
- iv. pelaksanaan cukai minimum global ke atas syarikat multinasional;
- v. pelaksanaan penuh e-Invois; dan
- vi. pengenalan cukai karbon menjelang tahun 2026.

Mulai 2024, selaras dengan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850], Kementerian Kewangan akan mengamalkan pendekatan Strategi Hasil Jangka Sederhana (*Medium Term Revenue Strategy*) yang mana perancangan hasil dan cukai akan mengambil kira tempoh jangka sederhana iaitu bagi 3 tahun ke hadapan. Pendekatan ini dijangka berupaya memperkasa perancangan dasar, pentadbiran dan rangka perundangan percukaian di Malaysia.

Kerajaan akan meneruskan inisiatif pembaharuan fiskal bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan kekal kukuh, seterusnya menyediakan ruang fiskal yang mencukupi bagi menghadapi sebarang krisis pada masa hadapan. Langkah konsolidasi fiskal akan dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan sasaran yang ditetapkan di bawah kerangka Ekonomi MADANI dan Akta 850 mampu dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah cukai pelancongan yang telah dikutip dan disalurkan pada tahun 2022, 2023 serta 2024 mengikut pecahan negeri. Apakah formula atau kriteria yang digunakan dalam menentukan jumlah saluran yang diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai pelancongan oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh diperolehi daripada dokumen Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan secara tahunan. Daripada penerbitan tersebut, kutipan cukai pelancongan bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM1.03 juta dan kutipan bagi tahun 2023 adalah berjumlah RM186 juta.

Majlis Kewangan Negara pada 27 Mei 2019 telah bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan menyalurkan semula cukai pelancongan yang telah dikutip kepada setiap Kerajaan Negeri dengan jumlah sebanyak 50 peratus daripada amaun cukai pelancongan yang dikutip di negeri masing-masing. Langkah ini bertujuan membantu Kerajaan Negeri untuk merencanakan lagi sektor pelancongan tempatan khususnya bagi membiayai program promosi pelancongan dan menaik taraf kemudahan pelancongan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

(a) perancangan dan strategi Kerajaan untuk mendapatkan data kewujudan warga asing tanpa izin di Malaysia; dan

(b) berapa jumlah pemegang kad UNHCR serta tanggungan mereka dan apakah status perancangan dan strategi serta bilangan pemegang kad yang telah dapat diserap sebagai tenaga kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) berdasarkan akta dan peraturan masing-masing adalah dipertanggungjawabkan bagi menjaga pintu-pintu masuk dan sempadan negara.

Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan senantiasa dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi memastikan keberadaan warga asing di dalam negara tidak menyalahi peraturan dan undang-undang imigresen yang sedang berkuatkuasa.

Statistik sehingga 30 September 2024 sebanyak 15,467 operasi telah dijalankan dan hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 35,422 warga asing dan 1,262 majikan telah dikenalpasti dan ditangkap kerana menyalahi peraturan dan undang-undang imigresen.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia bukannya negara ahli Kepada Konvensyen Mengenai Pelarian 1951 dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak mempunyai sebarang obligasi untuk menjalankan apa – apa peruntukan yang terkandung di dalam kedua – dua instrumen antarabangsa tersebut. Kebenaran untuk pelarian ini berada di dalam negara adalah atas dasar dan prinsip kemanusiaan, ihsan dan bersifat sementara sebelum dihantar balik ke negara asal atau ditempatkan ke negara ketiga (*resettlement*) melalui *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) di Malaysia.

Selari dengan keperluan semasa Kerajaan, MKN, JPM telah menambahbaik Arahan MKN No. 23 berkenaan Pengurusan Pelarian. YAB Perdana Menteri selaku pengerusi Sidang Majlis Keselamatan Negara telah menandatangani

NO SOALAN : 32

Arahan MKN No 23: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Pelarian dan Pemohon Suaka (semakan 2023) pada 14 Jun 2023. Arahan ini akan menjadi asas ke arah Malaysia untuk mempunyai mekanisme pengurusan pelarian dan pemohon suaka sendiri tanpa bergantung kepada entiti asing.

Peranan KDN berdasarkan Arahan MKN No. 23 (semakan 2023) antara lain adalah untuk melaksanakan program pengumpulan maklumat biometrik ke atas semua pelarian dan pemohon suaka di negara ini. Proses dokumentasi ini akan dijalankan menerusi program Dokumen Pendaftaran Pelarian (DPP) melalui Jabatan Imigresen Malaysia. DPP adalah dokumen pengenalan identiti yang diperakui oleh Kerajaan kepada pelarian yang membawa maksud bahawa maklumat individu pelarian tersebut telah dimasukkan di dalam sistem biometrik Kerajaan bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan oleh Entiti Kerajaan.

Sehingga Ogos 2024 terdapat seramai ratusan ribu orang pelarian dan pemohon suaka yang berada di negara ini. Namun begitu, selaras dengan penambahbaikan Arahan MKN No. 23 (semakan 2023), Kerajaan telah memulakan pendaftaran kepada pelarian dan pemohon suaka yang melibatkan pemegang kad UNHCR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan data dan analisis berkaitan prestasi pelajar dengan ketiadaan sistem peperiksaan awam UPSR dan PT3 dan apakah langkah Kementerian bagi menangani isu keciciran pelajar dalam pembelajaran serta adakah terdapat kajian terhadap cadangan pengembalian semula sistem peperiksaan awam tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa melaksanakan penambahbaikan kepada sistem pentaksiran dan penilaian murid seiring dengan keperluan semasa. Berikutan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemeraksanaan PBS, melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik (PPsi).

PBS yang telah diperkenalkan mulai tahun 2011 pada peringkat sekolah rendah dan tahun 2012 pada peringkat sekolah menengah merupakan proses ansur maju yang menumpukan perkembangan murid secara holistik serta membolehkan guru memantau perkembangan, kemajuan dan penguasaan setiap murid dalam proses pembelajaran.

PBS disifatkan sebagai *game changer* untuk KPM beralih daripada pentaksiran berorientasikan peperiksaan ke arah pentaksiran berorientasikan perkembangan murid secara holistik. Fokus pembelajaran bukan hanya bertumpu kepada gred atau markah dalam peperiksaan, tetapi beralih kepada pembelajaran yang bermakna dalam suasana yang menyeronokkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menambah baik sistem pentaksiran pendidikan, KPM telah melakukan perbandingan dengan beberapa buah negara seperti Finland, Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Australia, Scotland, Norway, New Zealand, Jepun, Hong Kong, serta Indonesia. Hasil perbandingan ini menunjukkan negara tersebut juga telah beralih daripada peperiksaan berpusat kepada PBS.

Pelaksanaan PBS ini adalah selari dengan *Sustainable Development Goal 4* (SDG 4) yang digagaskan menerusi *Agenda Education 2030* oleh UNESCO berkaitan pendidikan inklusif dan berkualiti. Matlamat pembangunan mampan SGD 4 adalah memberi fokus ke arah memastikan

pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat.

Di samping itu, konteks PBS juga adalah selari dengan *Incheon Declaration and the Education 2030 Framework for Action* yang dibentangkan pada 21 Mei 2015 dalam *World Education Forum* di Incheon, Republik Korea. Deklarasi ini menggariskan pentaksiran pendidikan berkualiti melalui pentaksiran berterusan berasaskan bilik darjah serta pentaksiran yang lebih komprehensif merangkumi pentaksiran kognitif dan bukan kognitif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi isu keciciran pembelajaran pula, KPM telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Intervensi Kurikulum yang dianggotai oleh Bahagian KPM dan ahli Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan. KPM sedang melaksanakan inisiatif intervensi kurikulum, iaitu menyediakan dan menatar Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 sebagai pilihan kepada guru, melaksanakan Pengesanan Literasi dan Numerasi murid Tahun 1 bagi meningkatkan penguasaan 3M dan menambah baik Pelaporan Tahap Penguasaan PBD yang mesra ibu bapa.

Buat masa ini, KPM kekal dengan keputusan untuk tidak mengembalikan UPSR dan PT3 atau mengadakan semula peperiksaan pusat. PBS yang bersifat holistik dan berterusan merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan perancangan Prasarana untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di kawasan Parlimen Bayan Baru. Berapa van *Demand Responsive Transit* yang akan dihantar ke Parlimen Bayan Baru untuk mengatasi kesesakan lalu lintas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama Kerajaan Negeri komited untuk menyelesaikan isu kesesakan jalan raya di Pulau Pinang. Untuk itu, Kerajaan telah bersetuju dengan **cadangan projek LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang** yang dijangka akan bermula pembinaan pada hujung tahun 2024 dan dijangka beroperasi pada tahun 2030. Jajaran perkhidmatan ini turut merangkumi pembinaan 12 stesen LRT di kawasan Parlimen Bayan Baru, iaitu stesen Permatang Damar Laut, stesen PIA, stesen Sungai Tiram, stesen FIZ South, stesen FIZ, stesen Jalan Tengah, stesen SPICE, stesen Bukit Jambul, stesen Sungai Nibong, stesen Sungai Dua, stesen Batu Uban dan stesen Jalan Universiti.
2. Dalam hubungan ini, mengambil kira pembangunan LRT hanya akan siap pada tahun 2030, MOT melalui Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) akan **menambah bilangan bas** Rapid Penang sebanyak 70 buah bas diesel. Selain itu, perkhidmatan bas juga akan ditambah baik untuk keselesaan pengguna melalui penyediaan bas elektrik oleh Prasarana sebanyak 75 buah dari tahun 2025 hingga 2026.
3. Di samping itu, MOT juga memfokuskan **penyediaan Demand Responsive Transit (DRT)** sebagai inisiatif *first mile and last mile connectivity* terutamanya di kawasan-kawasan yang tidak mendapat liputan perkhidmatan LRT dan bas pengantara Rapid Penang.
4. Pada masa ini, perkhidmatan DRT masih di peringkat percubaan yang dilaksanakan oleh Prasarana dan syarikat Kumpool Sdn. Bhd. (Kumpool). Perkhidmatan percubaan di bawah kendalian Prasarana sebanyak 2 buah van meliputi kawasan Farlim dan Air Hitam bermula pada 1 Ogos 2023 hingga 31 Oktober 2024. Manakala perkhidmatan percubaan DRT di bawah kendalian Kumpool dengan 4 buah van meliputi kawasan Bayan Baru bermula pada 1 Januari 2023 sehingga 31 Ogos 2025 yang turut merangkumi lokasi-lokasi seperti Queensbay

Mall, USM, Terminal Bas Sungai Nibong, kompleks membeli-belah Bukit Jambul dan *Bayan Lepas Free Industrial Zone*.

5. Dalam tempoh percubaan, kedua-dua syarikat diminta untuk melaksanakan kajian menyeluruh meliputi tahap perkhidmatan, pola perjalanan penduduk dan kesesuaian infrastruktur jalan raya. Ianya bertujuan untuk memastikan perkhidmatan DRT dapat dimanfaatkan oleh penduduk di Pulau Pinang keseluruhannya dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar kategori kurang berkemampuan yang telah diterima masuk ke universiti awam mengikut pecahan kaum sejak 2018 dan apakah langkah intervensi Kementerian bagi membantu kemasukan pelajar miskin ini ke universiti selain penangguhan bayaran yuran pendaftaran mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMoheS di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bagi tempoh **2018 sehingga 2023**, jumlah kumulatif kemasukan pelajar **B40 warganegara** ke Universiti Awam (UA) adalah seramai **743,665 orang**.

2. Bagi tahun 2024, sehingga bulan Jun, bilangan kemasukan pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan B40 di UA ialah seramai **23,102 orang**.

3. Berhubung perkara ini, pelbagai inisiatif dan usaha KPT bagi membantu golongan ini adalah antaranya:

- i. **di peringkat pemilihan pelajar** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), **terdapat empat (4) Laluan Khas disediakan** bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU) atau Lulusan Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), **kategori B40**, kategori Orang Asli dan Atlet,
- ii. **dalam konteks pembiayaan** pula, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan kemudahan **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu pelajar daripada kumpulan B40 untuk membuat persediaan atau bagi tujuan perbelanjaan awal untuk mendaftarkan diri ke IPT. Kemudahan ini ialah kemudahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) sebanyak RM1,500 yang disediakan kepada pelajar yang layak,
- iii. **Program SULUNG diteruskan kepada 20 UA** yang menyediakan peluang kepada anak-anak **golongan B40 yang cemerlang dan pertama dalam keluarga** berjaya memasuki UA. Calon yang terpilih akan menerima pelbagai manfaat seperti pengecualian yuran pengajian dan penginapan serta turut diberi

peluang mengikuti program-program yang memberikan nilai tambah kemahiran insaniah mereka sehingga tamat pengajian di UA,

- iv. Kementerian turut melaksanakan **Program Dermasiswa B40 TVET** bagi pelajar golongan B40 mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA sejak tahun 2022, dan
- v. **Yayasan Perkasa Siswa (YPS)** yang ditubuhkan pada tahun 2021 bertindak sebagai badan rasmi di peringkat nasional untuk mengurus dan menyelaraskan hal ehwal kebajikan mahasiswa secara bersepadu. Ia telah diperbadankan secara rasmi di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] pada 13 September 2021. Semenjak penubuhannya, pelbagai bentuk bantuan telah diberikan kepada para pelajar IPT secara bersasar termasuk pelajar B40 meliputi bantuan pembiayaan pendidikan, bantuan kewangan *one-off*, bantuan kemalangan, bantuan keperluan asas pelajar, bantuan pemakanan, bantuan keperluan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa pelajar dari kawasan Parlimen Segamat yang menerima tawaran melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dalam tempoh lima tahun yang lepas. Nyatakan pecahan mengikut kaum, iaitu Melayu, Cina dan India.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan permohonan UPUOnline bagi **Sesi Akademik 2022/2023 dan 2024/2025** dari **Parlimen Segamat**, calon **Lepasan SPM Bumiputera dan Bukan Bumiputera** adalah seperti berikut:

i. Pada Sesi Akademik **2022/2023**:

- Seramai 504 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **358 calon berjaya ditawarkan** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).
- Bagi calon **Bukan Bumiputera**, 97 orang memohon dan **63 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.

ii. Pada Sesi Akademik **2023/2024**:

- Seramai 526 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **398 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.
- Bagi calon **Bukan Bumiputera**, 89 orang memohon dan **56 calon telah berjaya ditawarkan** ke IPTA.

iii. Pada Sesi Akademik **2024/2025**:

- Seramai 463 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **388 calon berjaya ditawarkan ke IPTA**.
- Bagi calon **Bukan Bumiputera**, 78 orang memohon dan **57 calon telah berjaya di tawarkan** ke IPTA.

2. Untuk permohonan UPUOnline **Sesi Akademik 2022/2023 dan 2024/2025** dari **Parlimen Segamat** pula, calon **Lepasan STPM/ Setaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera** adalah seperti berikut:

i. Pada Sesi Akademik **2022/2023**:

- Seramai 231 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **172 calon berjaya ditawarkan** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).
- Bagi calon **Bukan Bumiputera**, **78 orang memohon** dan **63 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.

ii. Pada Sesi Akademik 2023/2024:

- Seramai 229 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **166 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.
- Bagi calon **Bukan Bumiputera**, 77 orang memohon dan **64 calon telah berjaya ditawarkan** ke IPTA.

iii. Pada Sesi Akademik 2024/2025:

- Seramai 213 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **177 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.
- Bagi calon **Bukan Bumiputera**, 76 orang memohon dan **70 calon telah berjaya ditawarkan** ke IPTA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) adakah pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah mencapai objektif yang digariskan; dan
- (b) cabaran yang dihadapi dan langkah-langkah mengatasinya agar pelaksanaan dasar ini adalah langkah tepat menggantikan sistem peperiksaan UPSR dan PT3 yang telah dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa susulan pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021 dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) mulai tahun 2022, KPM memberi tumpuan kepada pemerkasaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta Pentaksiran Psikometrik.

PBS yang dilaksanakan mulai tahun 2011 pada peringkat sekolah rendah dan tahun 2012 pada peringkat sekolah menengah merupakan pentaksiran yang mengukur pencapaian, perkembangan dan pelibatan bagi melaporkan profil murid. PBS bersifat holistik dan merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). PBS menumpukan kepada perkembangan murid secara holistik serta membolehkan guru memantau perkembangan, kemajuan dan penguasaan setiap murid dalam proses pembelajaran.

PBS disifatkan sebagai *game changer* untuk KPM beralih daripada pentaksiran berorientasikan peperiksaan ke arah pentaksiran berorientasikan perkembangan murid secara holistik. Fokus pembelajaran bukan hanya bertumpu kepada gred atau markah dalam peperiksaan, tetapi beralih kepada pembelajaran yang bermakna dalam suasana yang menyeronokkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, murid yang melaksanakan PBS telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Berdasarkan analisis keputusan peperiksaan SPM tahun 2017 hingga 2023, peratus calon yang layak memperoleh sijil SPM telah meningkat setiap tahun dan peperiksaan SPM Tahun 2023 mencatatkan pencapaian tertinggi peratus calon yang layak memperoleh sijil SPM iaitu sebanyak 93.5 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha memperkasa PBS, KPM telah melaksanakan beberapa penambahbaikan, antaranya menyediakan Jadual Spesifikasi Ujian Piawai bagi membantu guru dalam penyediaan item berkualiti untuk ujian akhir sesi akademik, menyediakan Modul Perealisasian Item bagi membantu guru dalam membangunkan item dan instrumen, serta melaksanakan penjaminan kualiti dengan melakukan kunjung bantu secara berterusan kepada sekolah dan guru dalam pelaksanaan ujian akhir sesi akademik.

KPM yakin pentaksiran yang bersifat holistik dan berterusan melalui PBS yang merangkumi aspek intelektual, emosi, sosial dan jasmani merupakan pendekatan terbaik bagi mengoptimumkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KPM juga beriltizam untuk memastikan semua agenda reformasi pendidikan negara bergerak tangkas dan berupaya memberikan pendidikan berimpak tinggi kepada generasi pewaris negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN [KENINGAU]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bolehkah Kerajaan mengurangkan Cukai Keuntungan *Windfall (Windfall Profit Tax)* untuk industri sawit sebagai insentif untuk pengusaha sawit di Sabah. Untuk mencapai keuntungan yang sama taraf dengan pengusaha sawit di Semenanjung, pengusaha-pengusaha sawit di Sabah dikehendaki mengatasi lebih banyak cabaran, rintangan dan kesusahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai 1 Januari 2022, kadar levi asal bagi Sabah dan Sarawak iaitu sebanyak 1.5% telah diselaraskan supaya sama dengan kadar levi yang dikenakan di Semenanjung iaitu sebanyak 3%. Walau bagaimanapun, nilai ambang levi keuntungan luar biasa bagi Sabah dan Sarawak ditetapkan lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia bagi mengambil kira kos pengeluaran buah kelapa sawit segar yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak.

Pada masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan kadar levi keuntungan luar biasa. Namun, bagi memperkukuh dan menyokong kelangsungan sektor industri kelapa sawit, Kerajaan melalui Belanjawan 2025, telah mengumumkan semakan semula nilai ambang levi keuntungan luar biasa daripada RM3,000 per metrik tan kepada RM3,150 per metrik tan bagi Semenanjung Malaysia dan daripada RM3,500 per metrik tan kepada RM3,650 per metrik tan bagi Sabah dan Sarawak. Semakan semula ini akan berkuatkuasa mulai 1 November 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN
MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM]**
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah peningkatan harga diesel selepas pemansuhan subsidi memberi kesan kepada peningkatan penggunaan kenderaan berat dengan lebih muatan dan langkah Kementerian mengawal kenderaan berat lebih muatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) berpandangan bahawa isu membawa muatan berlebihan dan pelaksanaan subsidi bersasar adalah dua perkara yang berbeza. Kesalahan membawa muatan berlebihan adalah disebabkan tindakan yang tidak bertanggungjawab oleh mana-mana individu sehingga mengakibatkan risiko keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Tindakan ini tidak boleh dikompromi dengan menjadikan alasan perkara-perkara lain seperti pelaksanaan subsidi atau faktor-faktor perniagaan yang dialami oleh individu terlibat, dengan maksud untuk menjustifikasikan kesalahan yang dilakukan.

2. Dalam hal ini, semua pihak hendaklah sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang semasa di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Pematuhan kepada undang-undang adalah amat penting bagi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya terutamanya yang berisiko tinggi seperti motosikal dan motokar.

3. Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat berhubung langkah-langkah Kementerian untuk mengawal kenderaan berat yang membawa muatan berlebihan, MOT melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa melaksanakan kajian dari semasa ke semasa berhubung strategi terbaik bagi menangani isu kenderaan berat dengan membawa muatan yang berlebihan sehingga menyebabkan implikasi keselamatan kepada pengguna jalan raya yang lain. Salah satu tindakan utama yang dilaksanakan bagi menangani isu ini adalah dengan menggiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan oleh pihak JPJ melibatkan peraturan had muatan kenderaan dan had laju bagi kenderaan berat. Selain mengoperasikan 53 buah Stesen Penguatkuasa (atau stesen timbang) di seluruh negara, pihak JPJ juga turut dibekalkan dengan 75 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan penguatkuasaan tersebut. Untuk makluman, sepanjang tempoh antara tahun 2016 sehingga September

2024, sejumlah 65,221 notis saman telah dikeluarkan melibatkan kesalahan muatan bahaya dan lebih muatan.

4. Di samping itu, MOT bersama Kementerian Kerja Raya (KKR), sedang dalam proses akhir untuk membangunkan sistem "*High Speed - Weigh in Motion*" atau HS-WIM. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan secara masa sebenar atau automatik tanpa memerlukan kenderaan tersebut perlu berhenti untuk ditimbang.

5. Penggunaan sistem HS-WIM juga akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada jumlah tenaga manusia atau anggota penguatkuasaan yang tinggi. Anggota penguatkuasa akan boleh melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di lokasi-lokasi lain yang tidak dipasang sistem HS-WIM tersebut. Akhirnya, sistem HS-WIM ini dijangka dapat memperluaskan capaian, meningkatkan pematuhan dan memperkukuhkan lagi keberkesanan penguatkuasaan ke atas peraturan had muatan kenderaan motor serta menjadi penyelesaian jangka masa panjang dalam menangani isu had muatan kenderaan berat.

6. Dalam masa yang sama, MOT kini sedang memperkasakan pengangkutan rel sebagai salah satu alternatif bagi pengangkutan barangan untuk mengatasi isu kenderaan barangan membawa muatan berlebihan. Antara tindakan yang dilaksanakan adalah dengan menambahbaik perkhidmatan rel sedia ada dengan meningkatkan kesaling hubungan antara jajaran dan hub pemindahan kargo serta menukar lokomotif lama kepada baharu supaya lebih efisien dan berdaya saing. Perkara ini seterusnya akan mengurangkan kebergantungan kerja pemindahan kargo ke pelabuhan menggunakan jalan raya yang mana secara tidak langsung akan mengurangkan risiko keselamatan jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada terdapat wang milik ahli Junta Myanmar yang berada di dalam bank tempatan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Maklumat berkaitan data pelanggan institusi kewangan termasuk butiran akaun dan transaksi adalah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (*Financial Service Act*, FSA), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (*Islamic Financial Service Act*, IFSA) dan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (*Central Bank Act*, CBA). Institusi kewangan sentiasa komited dalam memastikan data perbankan setiap pelanggan mereka dilindungi, melainkan jika terdapat sebarang keperluan untuk pendedahan maklumat tersebut, yang dibenarkan oleh undang-undang.

Sekiranya terdapat sebab untuk mengesyaki bahawa sesebuah akaun atau transaksi mana-mana pelanggan institusi kewangan terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pembiayaan senjata pemusnah besar-besaran (ML/TF/PF) dan kesalahan-kesalahan berat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA), maklumat tersebut akan disalurkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai pihak berkuasa berwibawa (*competent authority*) di bawah AMLA untuk dianalisa dan disalurkan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan menurut peruntukan dibawah AMLA untuk siasatan dan tindakan penguatkuasaan lanjut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan anggaran kerugian cukai yang dialami oleh kerajaan akibat daripada aktiviti pertaruhan haram yang melibatkan *Number Forecast Operators* (NFO), serta langkah-langkah yang diambil untuk membanteras aktiviti tersebut dan mengurangkan kebocoran hasil cukai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan (MOF) berperanan untuk mengawal selia aktiviti perjudian berlesen di Malaysia meliputi permainan meja dan mesin perjudian, pertaruhan nombor ramalan (NFO) dan juga pengendali/ peniaga mesin perjudian dan meja perjudian.

MOF mengambil maklum mengenai kerugian atau kebocoran hasil cukai yang dialami oleh Kerajaan akibat NFO haram. Walau bagaimanapun, Kerajaan sangat menggalakkan kerjasama dari semua pihak untuk menyalurkan sebarang maklumat berkenaan aktiviti perjudian haram terus kepada agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk diambil tindakan sewajarnya.

Oleh yang demikian, bagi membanteras aktiviti perjudian haram dan ketirisan hasil, penguatkuasaan dipertingkatkan dengan kerjasama dari pelbagai agensi terutamanya PDRM. Kerajaan juga sedang mengkaji semula akta-akta yang berkaitan terutamanya yang melibatkan kuasa penguatkuasa untuk diperkukuhkan dan ditambah baik bagi memberi punca kuasa yang jelas dalam membanteras perjudian haram.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan keselamatan siber dalam konteks peningkatan digitalisasi serta penggunaan generative AI yang lebih meluas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Digital telah merancang pelbagai strategi untuk meningkatkan keselamatan siber dalam era digitalisasi dan penggunaan AI Generatif. Ini termasuklah pembangunan garis panduan khusus untuk keselamatan siber yang mengguna pakai teknologi AI, pemantauan dan pengesanan ancaman melalui pusat pemantauan dan sistem berasaskan AI serta program latihan dan kempen kesedaran untuk pengguna dan pembangun yang mengaplikasikan teknologi AI.

2. Oleh yang demikian, antara perancangan Kementerian ini untuk meningkatkan keselamatan siber dalam konteks peningkatan digitalisasi serta penggunaan AI Generatif yang lebih meluas adalah melalui pendekatan seperti berikut:

- (a) Pengesanan ancaman dipacukan dengan teknologi AI diintegrasikan ke dalam sistem keselamatan siber bagi mengenal pasti risiko yang muncul secara masa nyata. AI juga dimanfaatkan untuk menganalisis set data yang besar dengan cepat;
- (b) Pemakaian *zero trust concept* iaitu pendekatan keselamatan siber yang menganggap bahawa tiada entiti sama ada di dalam atau luar rangkaian boleh dipercayai secara automatik. Konsep ini dilaksanakan untuk melindungi persekitaran digital dan memastikan akses hanya diberikan kepada pengguna yang disahkan sahaja sekali gus dapat meminimumkan risiko pencerobohan;
- (c) Rangka kerja peraturan dan amalan terbaik perlu berkembang seiring dalam era pendigitalan melalui penetapan garis panduan yang jelas mengenai penggunaan AI, penekanan terhadap privasi, akauntabiliti serta penggunaan AI yang beretika;

NO SOALAN : 43

- (d) Kerjasama sektor awam dan swasta bagi meningkatkan pertahanan melalui perkongsian maklumat bagi ancaman dan pembangunan penyelesaian secara holistik;
- (e) Program Literasi AI untuk memastikan semua pihak yang berkepentingan memahami faedah dan risiko AI Generatif selain memupuk budaya keselamatan siber. Di samping itu, latihan keselamatan digital disediakan secara meluas bagi mempersiapkan organisasi terhadap serangan siber dengan strategi mitigasi yang berkesan. Antara program yang telah dijalankan adalah program CyberSAFE™ *Awareness Talk* (CSAT) iaitu program ceramah kesedaran keselamatan siber (secara fizikal dan dalam talian) yang memberi banyak pendedahan dari segi modus operandi jenayah siber, ancaman siber semasa serta tips amalan terbaik. Dari tahun 2023 sehingga Ogos 2024, seramai 66,053 individu telah menghadiri dan mengikuti program ini termasuk golongan remaja; dan
- (f) Memberi fokus kepada keselamatan model AI yang merupakan salah satu aspek penting selain keselamatan aplikasi sistem AI. Hal ini memandangkan model AI turut menjadi sasaran serangan penggodam atau pelaku ancaman dalam melemahkan keupayaannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mempercepat projek pembangunan bagi sekolah yang masih belum siap, di SK Ulu Pedanum, SK Nanga Serau, SK Nanga Meluan dan SK Nanga Entaih di Julau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan bagi projek SK Ulu Pedanum, SK Nanga Serau dan SK Nanga Entaih di Julau telah bermula pada September 2021, dengan tarikh siap asal pada tahun 2022 tetapi telah diberikan lanjutan masa sehingga Julai 2023. Manakala bagi projek SK Nanga Meluan, projek ini telah dimulakan pada Januari 2021 dengan tarikh siap asal adalah pada Januari 2023 tetapi dipinda pada November 2024. Kesemua projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak.

Sehingga 21 Oktober 2024, status terkini projek SK Ng Serau adalah 80.36 peratus dan SK Ng Entaih adalah 70.50 peratus. Kedua-dua projek ini adalah dalam pemantauan rapi pihak JKR Sarawak dan pihak kontraktor komited untuk menyiapkan projek ini pada 31 Januari 2025.

Seterusnya bagi SK Ulu Pedanum, status terkini projek adalah 99.90 peratus dan SK Nanga Meluan adalah 99.00 peratus. Kedua-dua projek ini dijangka siap fizikal sepenuhnya dan dikeluarkan *Certificate of Practical Completion* (CPC) pada 30 November 2024 serta sekolah dijangka akan beroperasi pada permulaan sesi persekolahan 2025/2026.

Bagi mempercepatkan penyiapan projek ini, KPM bersama JKR Sarawak telah mengambil langkah mengadakan sesi libat urus bersama dengan pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa utiliti. Selain itu, arahan kepada pihak kontraktor juga telah dikeluarkan untuk menambah jumlah pekerja dan jentera di tapak.

Pihak KPM juga sentiasa memantau rapi prestasi pelaksanaan kesemua projek ini melalui pelaporan berkala oleh pihak JKR Sarawak serta tindakan intervensi melalui lawatan dan perbincangan bersama pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) turut diadakan dengan lebih kerap.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah-langkah proaktif Kerajaan dalam mengembangkan ekosistem Artificial Intelligence (AI) di Malaysia bagi memastikan negara kita tidak ketinggalan dalam arus revolusi teknologi global. Apakah strategi Kerajaan dalam menangani isu-isu etika, perundangan, dan keselamatan siber yang timbul daripada penerapan AI secara meluas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. AI Generatif (*Generative AI*) berpotensi untuk meningkatkan kapasiti produktif ekonomi Malaysia ke paras USD113.4 bilion, iaitu bersamaan dengan satu perempat daripada KDNK pada tahun 2022.

2. Justeru itu, bagi menjamin perkembangan ekosistem AI di Malaysia, pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

(a) Penubuhan Pejabat AI Kebangsaan (*National Artificial Intelligence Office*)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Ogos 2024 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Digital untuk menubuhkan Pejabat AI Kebangsaan (“NAIO”) secara inkubasi di MyDIGITAL Corporation selama 12 bulan.

Penubuhan Pejabat ini adalah penting bagi memastikan tadbir urus yang baik melalui koordinasi serta pembangunan ekosistem AI akan dapat dilaksanakan dengan lebih strategik. Ianya seiring dengan hasrat transformasi pendigitalan Kerajaan dan sebagai pemangkin terhadap pembangunan masyarakat serta ekonomi digital yang mampan berteraskan kepada teknologi AI.

(b) *Centre for the Fourth Industrial Revolution (C4IR) Malaysia*

Centre for the Fourth Industrial Revolution (C4IR) Malaysia adalah merupakan pusat 4IR pertama di rantau Asia Tenggara melalui kerjasama strategik antara Kerajaan Malaysia dengan World Economic Forum (WEF).

Pusat ini berperanan untuk menggalakkan inovasi dan

membangunkan polisi serta kerangka kerja perundangan bagi mempercepat penerimgunaan teknologi 4IR di samping menghubungkan Malaysia kepada rangkaian global 4IR serta penyediaan sokongan untuk projek rintis, pemindahan pengetahuan serta pembangunan bakat.

(c) Penubuhan Fakulti AI Pertama Negara

Pihak Kerajaan juga telah menubuhkan Fakulti AI pertama negara di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan melalui penubuhan Fakulti ini, pihak UTM akan bekerjasama dengan ahli Konsortium AI Malaysia (MAIC) bagi meneroka inovasi baharu dalam mempercepat penerimgunaan AI.

3. Selain itu, dalam usaha Kerajaan untuk merangsang perkembangan teknologi AI, aspek etika, perundangan dan keselamatan siber turut tidak diabaikan. Sebagai langkah proaktif Kerajaan dalam menyediakan persekitaran dan ekosistem yang menyokong reka bentuk dan pembangunan AI secara beretika dan bertanggungjawab, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga telah melancarkan Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence Governance and Ethics* (AIGE) pada 20 September 2024.

4. Garis Panduan yang turut sama dimurnikan oleh Kementerian ini akan melihat ekosistem AI secara menyeluruh yang meliputi (i) pengguna; (ii) penggubal polisi Kerajaan/ agensi/ organisasi/ institusi; (iii) pereka; dan (iv) penyedia dan pembekal teknologi supaya ianya mematuhi nilai-nilai sosial dan etika, serta kebijakan yang ada bagi memastikan teknologi AI digunakan untuk kesejahteraan umum tanpa mengabaikan hak kemanusiaan dan keamanan individu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan telah mengkaji keperluan untuk memansuhkan akta-akta zalim seperti mana yang dijanjikan dalam Manifesto PRU-15 Pakatan Harapan misalnya Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang terus diguna pakai hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam sentiasa komited dalam mengkaji dan menambahbaik semua undang-undang di bawah kawal selia Kementerian dan akan terus menyokong reformasi negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Tuan Yang di-Pertua,

KDN telah melaksanakan satu kajian bagi menilai sama ada pindaan terhadap Akta Hasutan perlu dibuat supaya ianya seiring dengan peredaran masa bagi menangani isu melibatkan pelanggaran daripada elemen 3R (*Race, Royalty dan Religion*).

Bagi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, ianya merupakan akta di bawah kawal selia Kementerian Komunikasi. Pindaan berhubung akta tersebut sedang diperhalusi oleh Kementerian Komunikasi sebagai langkah memperbaiki aspek keselamatan dan rangkaian susulan peningkatan penggunaan dan kebergantungan orang ramai terhadap perkhidmatan digital.

Bagi AMCP 19, libat urus telah dilaksanakan bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan. Perkara tersebut sedang diperhalusi di peringkat Kementerian dan akan dibentangkan ke Jemaah Menteri untuk persetujuan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIIN [RASAH]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIIN [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah peningkatan nilai ringgit kita berbanding dengan mata wang asing dapat membantu sektor pertanian dan pengeluaran makanan kita sama ada pendapatan pengusaha sektor pertanian kita akan meningkat selaras dengan peningkatan kadar tukaran asing kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan nilai ringgit baru-baru ini didorong oleh perkembangan dalam pasaran global dan prestasi ekonomi domestik yang kukuh. Pergerakan ini mencerminkan keyakinan pelabur yang lebih tinggi terhadap daya tahan ekonomi Malaysia terutamanya dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global. Pengukuhan nilai ringgit berbanding US dolar pada dasarnya akan memberikan kesan positif dan manfaat kepada sektor yang bergantung kepada barangan import termasuk sektor pertanian.

Secara purata, import agromakanan dan keperluan pertanian bagi sektor pertanian telah meningkat sepanjang tempoh 2019 hingga 2023 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 11.7 peratus. Bagi tahun 2023 sahaja, sektor pertanian mengimport agromakanan dan hasil pertanian terpilih sebanyak RM135.4 bilion. Daripada jumlah ini, import agromakanan adalah sebanyak RM78.7 bilion, keluaran pertanian lain sebanyak RM45.8 bilion dan keperluan pertanian (*agricultural input*) sebanyak RM10.8 bilion. Bagi import agromakanan, bahan makanan untuk ternakan menyumbang sebanyak 10.7 peratus manakala baja merupakan penyumbang utama sebanyak 52.8 peratus bagi import keperluan pertanian. Kebergantungan import agromakanan dan keperluan pertanian ini tidak dapat dielakkan memandangkan terdapat komoditi makanan yang tidak dapat dihasilkan secara domestik disebabkan oleh faktor kesesuaian iklim, tidak ekonomik serta kekangan sumber tanah dan tenaga kerja.

Berikutan pergantungan import yang tinggi, pengukuhan nilai ringgit membolehkan sektor pertanian akan menikmati kos import yang lebih rendah. Ini membolehkan pengusaha pertanian mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan pengeluaran sekali gus membantu meningkatkan margin keuntungan dan pendapatan pengusaha dalam sektor pertanian. Selain itu, pengukuhan ringgit dapat mengurangkan tekanan harga (*price pressure*) bagi produk import. Berikutan kos import yang lebih rendah, paras inflasi akan kekal stabil dan memberikan lebih

ruang kepada pengusaha menguruskan perbelanjaan secara lebih berhemat.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi perdagangan, Kerajaan percaya bahawa pengeksport berada dalam kedudukan yang baik untuk menghadapi pengukuhan nilai ringgit berlandaskan daya saing serta kepelbagaian produk bernilai tinggi. Ingin saya tekankan bahawa pengeksport tidak harus bersaing atas kekuatan nilai ringgit sahaja. Sebaliknya, haruslah berlandaskan kebolehan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang unik dan berkualiti tinggi termasuk produk pertanian yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.

Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) terus komited untuk memastikan kecairan pasaran pertukaran asing yang mencukupi dan persekitaran yang kondusif bagi pengeksport, pengimport ataupun perniagaan untuk menjalankan operasi mereka. Perniagaan juga boleh memanfaatkan kemudahan lindung nilai (*existing hedging facilities*) yang sedia ada dan kerangka penyelesaian mata wang tempatan (*local currency settlement frameworks*) untuk menguruskan risiko daripada pertukaran asing.

Selain itu, Kerajaan sentiasa beriltizam dalam melaksanakan usaha bagi 'menaikkan siling ekonomi dan menaikkan lantai pendapat rakyat' seperti yang digariskan dalam kerangka Ekonomi MADANI. Langkah ini diambil bagi memperkukuh lagi asas ekonomi, mempelbagaikan sumber domestik, meningkatkan daya saing dan produktiviti negara seterusnya memastikan pengukuhan atau penyusutan nilai ringgit akan memberi kesan yang minima kepada sektor di Malaysia terutamanya sektor pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peningkatan hutang isi rumah yang kini mencecah RM1.53 trilion dan langkah Kementerian untuk memperkenalkan dasar yang lebih ketat bagi mengawal peningkatan hutang isi rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hutang isi rumah meningkat sedikit daripada RM1.53 trilion pada akhir 2023 kepada RM1.57 trilion pada akhir Jun 2024, iaitu bersamaan dengan 83.8% daripada KDNK (2023: 84.2%). Berdasarkan jenis pembiayaan, bahagian terbesar hutang isi rumah terdiri daripada pinjaman perumahan, merangkumi 61% daripada jumlah hutang isi rumah, diikuti oleh pinjaman kenderaan (13.5%), pembiayaan peribadi (12.4%) dan pinjaman untuk tujuan lain seperti pembelian harta bukan kediaman, hutang kad kredit, sekuriti dan sebagainya.

Menyedari risiko keberhutangan isi rumah yang tinggi, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia telah lama mengambil pendekatan yang berhemat dan berhati-hati dalam menangani risiko ini bagi memastikan ia tidak menjejaskan daya tahan kewangan isi rumah serta kestabilan sistem kewangan negara. Sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengawal hutang isi rumah dan mengukuhkan daya tahan isi rumah termasuk:

- i. **Pertama**, melaksanakan **Dokumen Dasar Amalan Pembiayaan Bertanggungjawab** atau ***Policy Document on Responsible Financing*** sejak 2012. Dasar ini memastikan individu meminjam mengikut kemampuan membayar balik pinjaman dalam tempoh ditetapkan bagi mengelakkan beban hutang yang berlebihan. Hasilnya, sektor isi rumah **meminjam mengikut kemampuan** dengan nisbah khidmat hutang (*Debt Service Ratio, DSR*), kekal pada paras berhemat. Pada akhir Jun 2024, median DSR pinjaman terkumpul ialah 35%, manakala median DSR bagi pinjaman baharu diluluskan adalah 41%.
- ii. **Kedua**, meningkatkan tahap celik kewangan rakyat menerusi **Jaringan Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network, FEN*)** agar pengguna perkhidmatan kewangan mempunyai keupayaan dan keyakinan untuk membuat keputusan kewangan

yang baik. Salah satu inisiatif utama ialah Bulan Literasi Kewangan (*Financial Literacy Month*, FLM) yang diadakan setiap tahun pada bulan Oktober. Aktiviti FLM termasuk pameran, ceramah, wawancara dan kempen kesedaran di media sosial.

Pengurusan hutang isi rumah melangkaui tiga faktor utama yang disebutkan sebelum ini. Sebahagian besar hutang tertumpu kepada pembelian rumah dan kenderaan. Oleh itu, inisiatif kerajaan untuk memastikan perumahan kekal mampu milik serta memperbaiki sistem pengangkutan awam yang lebih efisien memainkan peranan penting dalam mengawal pertumbuhan hutang secara berkesan. Langkah ini dapat mengurangkan tekanan hutang serta menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi jangka panjang.

Selain itu, Kerajaan komited untuk mempercepatkan pembentangan cadangan Akta Kredit Pengguna (*Consumer Credit Act*, CCA) yang akan mewajibkan penyedia kredit bukan bank seperti penyedia Beli Sekarang Bayar Kemudian (*Buy Now Pay Later*, BNPL) mematuhi standard kehematan dan garis panduan yang berkaitan bagi melindungi pengguna kewangan dalam skim BNPL dan mengurangkan risiko keberhutangan berlebihan terutama dalam kalangan peminjam muda dan berpendapatan rendah.

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memantau tahap keberhutangan isi rumah dan mengambil langkah yang bersesuaian untuk memastikan pertumbuhan paras hutang isi rumah tidak berlebihan dan kekal selaras dengan kemampuan peminjam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jaminan meningkatkan pengambilan mahasiswa berasal dari Sabah dan Sarawak bagi jurusan perubatan untuk menangani masalah kekurangan Doktor pakar, di mana ketika ini sistem perkhidmatan kesihatan dalam keadaan hampir runtuh kerana tidak mampu menampung keperluan hampir 4 juta penduduk di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, berdasarkan Sistem MyMohes di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2023, jumlah kemasukan pelajar Sabah dan Sarawak (negeri kediaman) dalam bidang perubatan bagi PhD, Sarjana dan Sarjana Muda di Universiti Awam (UA) adalah **meningkat sebanyak 12.5 peratus** berbanding tahun 2022.

2. Berhubung perkara ini, dalam meningkatkan pengambilan pelajar Sabah dan Sarawak bagi jurusan perubatan, antara inisiatif dan usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian dan UA adalah:

- i. **Program perubatan di Sabah dan Sarawak iaitu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ditawarkan dengan kuota pengambilan masing-masing sebanyak 90 dan 160 tempat.** Ini akan membuka peluang kepada lebih ramai pelajar tempatan mengikuti program Sarjana Muda Perubatan di Sabah dan Sarawak.
- ii. **Program-program promosi dilaksanakan di Sabah dan Sarawak** untuk menarik pelajar-pelajar tempatan melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam pelbagai bidang, termasuk perubatan.
- iii. Menyediakan **bantuan kewangan** seperti biasiswa khas iaitu Biasiswa Naib Canselor, Skim Zamalah (Bantuan Yuran Pengajian) dan Bantuan Zakat (Yuran Pengajian Sahaja) serta bantuan kebajikan pelajar (melalui Pusat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) kepada pelajar yang memohon dalam bidang perubatan.
- iv. Mewujudkan **kerjasama strategik melibatkan UA, Yayasan Sabah serta Yayasan Sarawak** dalam aspek pembiayaan dan kemudahan kepada bakal pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak yang akan mengikuti program pengajian dalam bidang perubatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JONATHAN BIN YASIN [RANAU]
TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK JONATHAN BIN YASIN [RANAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah keseluruhan hasil atau pendapatan yang telah diperoleh oleh Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi atau anak syarikatnya dari negeri Sabah pada tahun 2023 melalui pungutan cukai, keuntungan pelaburan dan semua jenis pendapatan yang diperoleh dari negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai. Hasil cukai terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung yang masing-masing dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Cukai langsung merangkumi cukai pendapatan syarikat dan individu, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Manakala cukai tidak langsung terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi kenderaan barang-barang dan levi pelepasan.

Hasil bukan cukai pula dikutip daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah kenaaan bayaran kelulusan lesen dan permit, bayaran perkhidmatan, perolehan daripada jualan barangan, sewaan dan faedah dan pulangan pelaburan. Hasil bukan cukai turut merangkumi terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan.

Jumlah keseluruhan hasil cukai dan bukan cukai yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam dokumen Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Perincian kutipan adalah dilaporkan mengikut jenis hasil dan cukai, dan bukannya mengikut setiap negeri. Dokumen tersebut boleh disemak dan dimuat turun daripada portal belanjawan tahunan di laman sesawang Kementerian Kewangan.

Berdasarkan Laporan Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2025, hasil cukai keseluruhan bagi tahun 2023 adalah direkodkan sebanyak RM229 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM171 bilion merupakan kutipan hasil cukai langsung, manakala sebanyak RM58 bilion adalah kutipan hasil cukai tidak

langsung. Jumlah ini meliputi cukai yang dipungut dari semua negeri termasuk Sabah.

Namun seperti yang pernah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat sebelum ini, pertanyaan Yang Berhormat mengenai jumlah kutipan hasil di Sabah adalah berkaitan dengan salah satu perkara yang dirujuk dalam saman yang telah difailkan ke mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan tidak dapat mengemukakan maklumat terperinci mengenainya atas dasar *sub judice*.

Sekian, terima kasih.